

“RENTAP:
ADU & LAGA”
GUSTI LENGAN.



“RENTAP:
ADU & LAGA”
HERO KAMPUNG



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

BERITA JMM JILID 41 - BIL. 3/2023 ■ SEPT - DIS ■ ISSN 2231-8321

NOSTALGIA ANAK KAMPUNG 2023

“RENTAP: ADU & LAGA”

EDISI
BIL. 3
2023

'The Museum

Berita Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatan Muzium Malaysia



Jabatanmuziummalaysia



www.jmm.gov.my

EDITORIAL



RASIONAL GAMBAR MUKA DEPAN “NOSTALGIA ANAK KAMPUNG”

PENASIHAT

Datuk Kamarul Baharin bin A.Kasim

KETUA EDITOR

Mohamad Shawali bin Haji Badi

EDITOR

Mohd Khairill bin Jemangin
Nor Hafizzah binti Abdul Rahman

PENYELARAS

Rozlinah binti Ismail
Azila binti Rohani@Rosani
Roseanida binti Abdul Kadir

FOTOGRAFI

Unit Sumber Media

EDARAN

Unit Perpustakaan

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Muzium Malaysia

Jalan Damansara
50566 Kuala Lumpur
Tel : (+603) 2267 1000,
(+603) 2282 6255
Faks : (+603) 2282 6434
<https://www.jmm.gov.my>

REKABENTUK & DICETAK OLEH

Arza Trade Centre
No 42-A-1 Jalan SM3 Sunway Mas
Batu Caves,
68100 Batu Caves, Selangor.

Berita JMM diterbitkan 4 bulan sekali.
Berita ini boleh dimuat turun daripada laman
web JMM.



LIDAH PENGARANG

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Tahun 2023 akan berakhir dan JMM juga perlu menilai apa yang telah dicapai sepanjang tahun ini terutamanya yang melibatkan Key Performance Index (KPI), outcome dan ROI serta visibilitinya. Selain itu JMM juga perlu membuat penajajaran kepada visi, misi dan polisinya bagi memastikan kelangsungannya memenuhi kehendak stakeholder selari dengan Pelan Strategik Kementerian Perduaan Negara 2021-2025, Pelan Strategik Jabatan Muzium Malaysia 2023-2027 dan Pelan Strategik Pendigitalan JMM 2023 – 2027.

Sepanjang tahun ini juga JMM telah menganjurkan pelbagai program sama ada diperingkat antarabangsa atau dalam negara seperti Citra Nusa @ Muzium, Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023, IAEA-RTC Application of Nuclear Techniques, Sambutan 60 Tahun Muzium Negara, Simposium ICOFOM ASPAC dan sebagainya. Disebalik kejayaan dan kemeriahan program, apa yang lebih penting ialah memastikan ia mencapai objektif dan sasaran dalam skala yang lebih besar berdasarkan kajian impak yang menyeluruh. Perancangan program perlu melihat kepada ruang lingkup yang lebih luas bukan sahaja kepada prasarana tetapi kepada pembangunan kandungan yang kreatif dan akhirnya kaedah pemasaran yang efektif. Dalam perancangan dan pelaksanaan program juga perlu menitikberatkan kepada polisi, tatacara dan SOP yang telah ditetapkan.

Tahun 2024 akan lebih mencabar dengan kepesatan teknologi pendigitalan dan globalisasi yang semakin berkembang pesat. Semoga warga JMM akan lebih mendalami dan memahami perubahan dan cabaran yang mendatang agar JMM di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara menjadi platform perpaduan yang unggul di negara kita.

Selamat Tahun Baru.

Sekian, terima kasih.

Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi

TIMBALAN

KETUA PENGARAH DASAR

JABATAN MUZIUM MALAYSIA

INTISARI KANDUNGAN

HALAMAN/MUKA SURAT

04

**Nostalgia
Anak Kampung**
"RENTAP: ADU & LAGA"

HALAMAN/MUKA SURAT

06

**PAMERAN
RAHSIA KEBAYA**
THE SECRET OF KEBAYA

HALAMAN/MUKA SURAT

11

**PROGRAM
SEMARAK @**
MUZIUM KOTA KUALA KEDAH

HALAMAN/MUKA SURAT

17

**PROGRAM
CITRA NUSA@**
MUZIUM: MAGIS BELANTARA 2023

HALAMAN/MUKA SURAT

26

**PROGRAM PATRIOTIK
MALAYSIA@**
MUZIUM LABUAN

HALAMAN/MUKA SURAT

32

**ICOFOM ASPAC
INTERNATIONAL
SYMPOSIUM 2023**
IN KUALA LUMPUR

HALAMAN/MUKA SURAT

42

MAJLIS PERSARAAN STAF JMM 2023

PERSARAAN EN AHMAT BIN ALI 20 SEPTEMBER 2023
PERSARAAN PUAN ZARINAH SARIFAN 1 OKTOBER 2023
PERSARAAN EN BÄDROLHISHAM BIN ABD RAHMAN PADA 30 OKTOBER 2023
PERSARAAN ENCIK NOOR AZMAN BIN MOHD JAMIL PADA 30 OKTOBER 2023
PERSARAAN ENCIK MOHD ASRI BIN BIDIN PADA 25 DISEMBER 2023

NOSTALGIA ANAK KAMPUNG 2023

“RENTAP: ADU & LAGA”

Oleh : Nik Aesya binti Nik Ahmad Kamal

KUALA LUMPUR - Program Nostalgia Anak Kampung, sebuah program ‘signature’ oleh Muzium Negara kembali memeriahkan perkarangan Muzium Negara dari 24 hingga 26 November 2023 yang lalu. Dengan mengangkat tema “Rentap: Adu & Laga”, program ini mengetengahkan elemen kepintaran, kelincahan, kekuatan dan daya kreativiti pemain yang beradu dalam pelbagai jenis permainan tradisional pelbagai kaum di Malaysia. Konsep nostalgia yang dibawakan ini adalah sebagai inisiatif untuk memperkenalkan budaya dan cara hidup orang kampung kepada warga kota Kuala Lumpur.

Pelbagai jenis aktiviti telah dijalankan selama tiga hari program ini berlangsung antaranya pameran rumah tradisional, persembahan kebudayaan, permainan tradisional, mini perkampungan, jualan makanan dan lain-lain. Beberapa pertandingan juga telah dijalankan seperti pertandingan gusti lengan, diabolo, Hero Kampung, Dam Aji dan permainan tradisional. Penyertaan telah melibatkan orang ramai dari pelbagai lapisan umur dan bangsa dengan matlamat untuk menyatupadukan masyarakat dalam satu permainan. Cabutan bertuah juga merupakan salah satu acara kemuncak yang dinanti-nantikan pengunjung sepanjang tiga hari tersebut.

Beberapa kerjasama dengan pihak luar telah dilibatkan dalam menjayakan program dan pertandingan yang diadakan. Antaranya ialah dengan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam aktiviti Xplorasi Kampung People dan Bola Tepuk. Syarikat Majalah Pa&Ma telah terlibat dalam program Zumba Sarung, Sembang Sihat dan Keluarga Kampung Hunt. Dalam menjayakan Pertandingan Permainan Tradisional, muzium-muzium negeri, Institut Pendidikan Guru dan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga turut menyumbangkan peserta dalam pertandingan tersebut. Tidak ketinggalan, Jabatan Belia dan Sukan telah membantu dalam menjayakan Pertandingan Hero Kampung, Gusti Lengan dan Dam Aji dari segi bantuan tenaga dan teknikal. Selain itu Persatuan Seni Pentas India Kuala Lumpur dan Persatuan Kebudayaan Han Malaysia turut memberi kerjasama yang baik



2



5



3



4



5

6

Sebuah perkampungan Muzium Negara telah dibina di kawasan terbuka bersebelahan Muzium Negara yang mempunyai mini zoo, sawah bendang, rumah tradisional, gelanggang pahlawan dan warung makanan. Kawasan ini mempamerkan dan membawakan suasana kampung yang sebenar berkonsepkan tradisional. Pameran rumah tradisional telah melibatkan kerjasama daripada muzium-muzium negeri iaitu Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Perbadanan Muzium Negeri Melaka, Lembaga Muzium Negeri Kelantan dan Yayasan Warisan Negeri Johor. Setiap muzium telah mempamerkan keunikan rumah tradisional dari negeri masing-masing sambil memberi pendedahan kepada pengunjung tentang permainan tradisional dan makanan warisan dari negeri mereka.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara pada hari kedua. Majlis ini turut menyempurnakan sesi walkabout Pameran Timbang dan Sukat anjuran Muzium Etnologi Dunia Melayu. Turut menghadiri majlis tersebut ialah YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Encik Mohamad Shawali bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JMM, Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) JMM dan Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Pengarah Muzium Negara.

Memetik kata YBhg. Datuk Azman bin Yusof, beliau berharap program sebegini dapat dikekalkan sebagai program 'signature' Jabatan Muzium Malaysia pada setiap penghujung tahun dengan tema yang berbeza. Melalui konsep Nostalgia Anak Kampung yang dibawa, semua pengunjung yang hadir diharapkan dapat mengenang kembali nostalgia hidup bermasyarakat dalam suasana tradisional di samping memupuk dan menanam penghargaan setiap warga masyarakat terhadap warisan, seni dan budaya negara Malaysia

AKTIVITI - AKTIVITI "RENTAP: ADU & LAGA"

1. YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA SEDANG BERENTAP BERSAMA SALAH SEORANG PESERTA PERTANDINGAN GUSTI LENGAN.
2. SESI BERUCAP OLEH YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF KETIKA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM NOSTALGIA ANAK KAMPUNG 2023.
3. SUASANA MERIAH DI PERKAMPUNGAN MUZIUM NEGARA.
4. SALAH SATU ACARA YANG DIPERTANDINGKAN ADALAH PERTANDINGAN HERO KAMPUNG YANG MENGGUNAKAN HALANGAN BERKONSEPKAN PERMAINAN TRADISIONAL.
5. PERTANDINGAN PERMAINAN TRADISIONAL YANG DIPERTANDINGKAN ANTARA SISWA INSTITUSI PENDIDIKAN GURU.
6. PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN DI RUMAH SARAWAK OLEH PERSATUAN KEBUDAYAAN DAN WARISAN MALAYSIA BORNEO.

Merafak Sembah & Menjunjung Kasih

PAMERAN RAHSIA KEBAYA THE SECRET OF KEBAYA

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - Baju kebaya merupakan antara pakaian kebangsaan rakyat Malaysia yang menjadi identiti nasional negara dan sangat sinonim digayakan oleh masyarakat berbilang bangsa di Malaysia. Busana ini telah dipakai sejak dahulu lagi dan kekal relevan sehingga ke hari ini sebagai warisan budaya turun-temurun. Rekaan dan potongan busana ini mempunyai keindahan dan ciri-ciri yang tersendiri apabila digayakan malah dapat menyerlahkan lagi kecantikan dan keanggunan si pemakai.

Pameran Rahsia Kebaya mula dibuka untuk lawatan kepada orang ramai dari 19 Oktober sehingga 31 Disember 2023 bertempat di Galeri Saindera, Muzium Tekstil Negara. Pameran ini disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Hajah Norashikin, Tengku Permaisuri Selangor pada 25 Oktober 2023 (Rabu) yang lalu. Turut hadir bersama ialah YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara (KPN), YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia (JMM) serta barisan Ahli Pengurusan Tertinggi Kementerian Perpaduan Negara dan Jabatan Muzium Malaysia.

Pameran ini secara eksklusif memperagakan sebanyak 60 koleksi baju kebaya yang sebahagian besarnya milik Jabatan Muzium Malaysia dan rakan-rakan kerjasama pameran ini. Menariknya, pameran ini turut diperagakan koleksi peribadi kebaya Selangor milik DYMM Tengku Permaisuri Selangor, kebaya Perlis koleksi peribadi DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis, kebaya labuh milik DYMM Almarhuman Tuanku Ampuan Najihah, YMM Tengku Anis dan Almarhumah Che Menjelara. Selain itu, turut dipamerkan koleksi-koleksi pinjaman daripada rakan sinergi pameran ini antaranya ialah Lembaga Muzium Negeri Perak, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Arkib Negara Malaysia, Malaysia (MAS) Airlines, Couture Classics (M) Sdn. Bhd., Puan Zubaidah Sual, Encik Tan Chai Cheng dan Puan Marina Linda Danker.

Koleksi kebaya yang dipamerkan menampilkan kepelbagaian rekaan dan potongan yang dipakai oleh golongan kerabat diraja, masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan kebaya negeri-negeri terpilih di Malaysia. Pameran ini juga mengetengahkan pengayaan dan pemakaian kelengkapan berkebaya dari hujung rambut sehingga hujung kaki yang dipakai oleh masyarakat pelbagai kaum semasa acara perkahwinan, seni persembahan, istiadat diraja, upacara berkabung dan ketika menghadiri majlis rasmi dan tidak rasmi. Pameran ini diperindah lagi dengan diorama patung miniature memakai variasi busana kebaya dan Kebaya Perlis Terbesar yang telah tersenarai dalam Malaysia Book of Records (MBOR) pada tahun 2013 milik Kolej Komuniti Arau.

Penceritaan pameran ini ditelusuri melalui lima segmen, iaitu Kebaya: Warisan Dahulu, Kini dan Selamanya; Potongan Baju Kebaya, Kelengkapan Berkebaya; Kelestarian Kebaya; dan Kebaya di Mata Dunia. Antara objektif pameran ini ialah untuk mengetengahkan keunikan dan keindahan potongan baju kebaya; mempromosikan baju kebaya melalui Pencalonan Kebaya Bersama ke UNESCO dan mengeratkan hubungan kerjasama strategik dalam usaha memelihara warisan busana dan tekstil di Malaysia.

Pameran ini disemarakan lagi dengan penganjuran beberapa program dan aktiviti seperti program Bicara@Muzium sebanyak tiga dan program sisipan seperti Ronggeng Kebaya Perpaduan, DIY *key-chain* Kebaya, DIY Kerongsang Kebaya dan Mereka Corak Busana Kebaya.



PAMERAN TIMBANG DAN SUKAT KEARIFAN METROLOGI

Oleh: Nor Hanisah binti Ahmad,
Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed,
Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi memaparkan mengenai sejarah awal penggunaan timbang dan sukat secara tradisional di Alam Melayu sehingga kepada perubahan yang berlaku dengan penguatkuasaan sistem timbang dan sukat yang lebih seragam melalui penggunaan sistem metrik. Pada peringkat awal, kebanyakan bangsa primitif hanya mengetahui tahap asas bilangan yang setara dengan sa, dua dan banyak sahaja. Penggunaan sukatan terhadap panjang, luas, isi padu, berat dan kuantiti sesuatu benda hanya wujud pada bangsa yang mempunyai harta dan konsep pemilikan serta melakukan urusan pertukaran barang atau perniagaan sahaja. Apabila keperluan semakin meningkat, penciptaan unit yang lebih kompleks diwujudkan bagi membezakan unit ukuran dan sukatan mengikut benda seperti pepejal, cecair, keluasan ruang dan kawasan, jarak, masa, tempoh, musim, gelombang, tenaga, kuasa dan sebagainya. Semua unit ini diistilahkan sebagai unit sukatan fizik.

Manakala dalam peradaban tamadun Melayu, istilah sukatan telah lama wujud sebelum penjajahan kolonial. Terdapat beberapa sarjana yang telah membuat kajian mengenai sukatan rumpun Melayu menerusi karya-karya agung Melayu seperti Sulatus Sulatin, Sejarah Melayu dan Hikayat Raja Pasai. Begitu juga dengan kajian sukatan Melayu zaman sebelum kedatangan Islam seperti zaman Funan, Campa dan Sriwijaya menerusi prasastinya.

Pameran yang bertempat di Galeri 1, Jabatan Muzium Malaysia ini telah bermula pada 31 Oktober 2023 sehingga 21 Januari 2024. Terdapat pelbagai segmen dikongsikan bermula daripada pengenalan kepada konsep fungsi timbang dan sukat, sejarah awal, unit sukatan di Alam Melayu seterusnya perubahan dan perkembangan kepada sistem timbang dan sukat tradisional kepada sistem yang diguna pakai pada masa kini. Terdapat 108 koleksi yang dipamerkan seperti leng, kepul, gantang, dacing dan sebagainya.

Semoga penganjuran pameran ini mencapai objektif yang telah disasarkan dan maklumat yang dikongsikan melalui pameran ini dapat dijadikan sumber pengetahuan yang berguna dalam melihat sejarah dan perkembangan sistem timbang dan sukat di Malaysia.



PAMERAN MALAYSIA ERA PERANG DUNIA II

Oleh: Zairul Hida binti Hamdan, Muzium Perak

TAIPIING - Pameran Malaysia Era Perang Dunia II telah diadakan dari 15 Ogos 2023 sehingga 30 September 2023 bersempena sambutan Bulan Kebangsaan Malaysia Tahun 2023, di Galeri A, Muzium Perak. Pameran ini menjurus kepada peristiwa dan pengalaman semasa zaman pendudukan Jepun khususnya di Taiping (1941-1945) dan zaman ini dapat dianggap sebagai *silent years* dan tidak banyak rekod serta dokumentasi yang dapat dirujuk, khususnya tentang bandar Taiping. Kandungan pameran terdiri daripada dua komponen iaitu pameran digital secara realiti maya dan pameran fizikal yang memaparkan zaman pendudukan Jepun di negara ini.

Tujuan pameran ialah untuk membangkitkan minat dan kesedaran masyarakat terhadap sejarah dan menanam kecintaan terhadap negara melalui penghayatan kepada sejarah. Projek pameran ini diadakan secara kerjasama di antara Muzium Perak, dengan Pennsylvania State University, Berks, Amerika Syarikat. Pennsylvania State University telah membangunkan kandungan naratif realiti maya melalui sumber sejarah lisan yang melibatkan 20 orang mangsa yang terselamat dalam Perang Dunia II dengan latar belakang budaya, bangsa dan ekonomi yang berbeza seperti Abdul Hamid bin Mat dari Bukit Merah, Abdul Azizi Bin Ahmad dari Simpang Taiping, Chua Poh Choo, R. Xavier dari Taiping, dan juga Lim Wonn Hoong dari Aulong Taiping. Pembangunan kandungan pameran menjurus kepada peristiwa Perang Dunia II yang divisualkan melalui pameran fizikal dan pameran maya menggunakan penceritaan pengalaman sejarah lisan (*oral history*) secara virtual reality. Semua cerita lisan ini juga didokumenkan dalam sebuah penerbitan pameran sebagai bahan dokumentasi yang boleh dijadikan rujukan. Pengalaman mangsa terselamat yang berdepan sendiri zaman perang yang sukar, tragis dan penuh pengalaman pahit ini diharap dapat dijadikan pedoman dan iktibar kepada seluruh rakyat demi kedaulatan negara tercinta.

Perang Dunia II berlaku di negara ini dari tahun 1941 hingga 1945. Zaman pendudukan Jepun telah menjadi lipatan sejarah yang meninggalkan pengalaman pahit dan sukar dilupakan oleh generasi nenek moyang kita dahulu. Pendudukan ini bermula dengan pendaratan pertama di Pantai Sabak, Kota Bharu, Kelantan pada 8 Disember 1941 sehingga 15 Februari 1942 apabila tanah Melayu diduduki sepenuhnya. Tempoh pendudukan Jepun agak singkat iaitu kira-kira tiga tahun lapan bulan dan Jepun menyerah kalah kepada tentera Bersekutu pada 12 September 1945. Terdapat lapan segmen yang dipamerkan di dalam pameran ini iaitu segmen pengenalan dan infografik Perang Dunia Kedua, segmen Kronologi Penguasaan Tentera Jepun di Tanah Melayu, segmen faktor kedatangan Jepun ke Tanah Melayu, segmen Propaganda tentera Jepun di Tanah Melayu, segmen kesan pemerintahan Jepun yang merangkumi dasar diskriminasi kaum, kesan sosial dan kesan ekonomi, segmen kesan pemerintahan Jepun di Taiping yang menceritakan tentang bangunan-bangunan kerajaan di Taiping yang dijadikan Markas Tentera Jepun dan pejabat pentadbiran dan segmen pameran realiti maya yang turut memaparkan sejarah lisan peperangan individu-individu yang pernah melalui zaman pendudukan Jepun di Malaya khususnya Taiping.

Pameran Malaysia Era Perang Dunia Ke II atau lebih dekat kepada kita sebagai 'zaman Jepun' telah banyak meninggalkan kenangan pahit terutamanya kepada generasi yang lebih tua dari kita. Walaupun kini telah menjadi sebahagian daripada lipatan sejarah, namun banyak iktibar yang dapat diambil sebagai pengajaran oleh semua rakyat negara ini. Melalui pameran ini, muzium turut mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar dalam memupuk, menyubur dan menyemarakkan nilai-nilai perpaduan dan semangat patriotisme melalui penghayatan terhadap warisan sejarah, budaya dan alam semula jadi negara berteraskan masyarakat berbilang kaum di negara ini.



Yang Teramat Mulia Raja Dato' Seri Azureen binti Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfurlah mencemar duli melawat Pameran Maya Malaysia Era Perang Dunia II di Muzium Perak



Lukisan gambaran catuan barang-barang makanan semasa zaman pendudukan Jepun.



Segmen kronologi penguasaan tentera Jepun di Tanah Melayu



KONSERVASI PREVENTIF: FUMIGASI KE ATAS KOLEKSI MANUSKRIP

Oleh: Nurul Hafizah binti Maaz, Bahagian Pengurusan Konservasi

Koleksi artifak muzium terdiri daripada material yang berunsurkan samada organik dan bukan organik. Koleksi artifak jenis organik ini meliputi koleksi tekstil, manuskrip, kulit dan kayu yang memerlukan penjagaan teliti dan rumit kerana ia mudah terkesan kepada agen-agen deteriorasi.

Salah satu koleksi artifak yang sering mengalami kerosakan atau deteriorasi ialah manuskrip kerana ia mudah diserang oleh makhluk perosak sekiranya tiada langkah-langkah pencegahan yang berkesan dilakukan. Koleksi manuskrip milik Jabatan Muzium Malaysia terdiri daripada dokumen bertulisan tangan dalam tulisan jawi yang dihasilkan dari abad ke-16 hingga awal abad ke-20. Ia menampilkan pandangan hidup yang berkaitan dengan sistem kepercayaan atau agama, falsafah, ketatanegaraan, undang-undang, perubahan tradisional, kesenian, persenjataan dan aspek-aspek lain peradaban bangsa.

Kebiasaannya manuskrip diperbuat daripada kulit binatang, kulit kayu atau daun lontar sekiranya tidak dijaga dan dirawat dengan sistematik akan berisiko tinggi untuk rosak. Lazimnya koleksi manuskrip mengalami kerosakan akibat serangan makhluk perosak (silverfish) yang gemar memakan kertas dan merosakkan buku atau manuskrip dengan cara memakan kertas-kertas atau dokumen-dokumen tersebut dan meninggalkan kesan 'flour paste'. Bagi menghentikan serangan makhluk perosak ini hanya kaedah fumigasi ke atas koleksi sahaja yang berkesan sebagai rawatan.



Teknik Fumigasi

Fumigasi yang dilaksanakan ke atas koleksi manuskrip ini ialah dengan cara memasukkan koleksi manuskrip ke dalam beg plastik kedap udara yang mengandungi RP Agent bertujuan untuk mematikan makhluk perosak (silverfish) dan seterusnya menghalang proses kerosakan secara berterusan. Proses fumigasi ini dilaksanakan dalam tempoh tertentu sehingga didapati serangan makhluk perosak tidak lagi berlaku.

Setelah selesai proses fumigasi, koleksi yang berada di dalam beg plastik kedap udara tersebut dikeluarkan bagi tujuan pembersihan dan dikembalikan kepada bahagian repositori untuk tindakan penyimpanan.

CADANGAN KAEDAH PENYIMPANAN

Serangan makhluk perosak juga sering berlaku di dalam bilik penyimpanan rekod yang berhawa dingin. Selain itu habuk, suhu dan kelembapan relatif (RH) yang tidak sesuai dengan jenis koleksi juga menyumbang kepada kerosakan manuskrip yang boleh menyebabkan pertumbuhan kulat. Justeru itu kawasan penyimpanan rekod hendaklah mengikut piawaian yang sepatutnya. Kaedah penyimpanan yang sistematik perlu dipraktikkan supaya koleksi dapat dipelihara untuk tempoh masa yang panjang. Antara kaedah penyimpanan yang boleh digunakan ialah seperti:



- i. Rak bertutup
- ii. Kotak bertutup bebas asid
- iii. Kawalan suhu, RH dan cahaya yang sistematik.
- iv. Pemantauan secara berkala perlu dilaksanakan bagi memastikan koleksi berada dalam keadaan baik.



Secara umumnya adalah disyorkan agar koleksi manuskrip yang telah difumigasi ini disimpan di repositori mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Pemantauan secara berkala perlu dilaksanakan bagi memastikan manuskrip yang menjadi khazanah penting negara ini kekal terpelihara dengan baik.

Selain fumigasi secara kedap udara, terdapat juga beberapa cara lain yang boleh digunakan bagi mencegah serangan makhluk perosak pada manuskrip termasuklah:

- a) Penggunaan ubat gegat dan paradichlorobenzene sesuai bagi membunuh serangga dengan cara meletakkan bahan kimia ini di dalam mangkuk dan diletakkan kurang 6 inci dari rak atau kabinet manuskrip. Bau daripada bahan kimia ini akan menyebabkan serangga tidak mahu mendekatinya.
- b) Bilik penyimpanan atau repositori yang mengandungi bahan manuskrip juga boleh disemur dengan ubat pencegah serangga (insectidote) pada setiap bulan. Semasa semburan dibuat, perlu berhati-hati supaya tidak merosakkan dokumen atau manuskrip.
- c) Proses fumigasi secara pengawasapan juga boleh dilakukan bertujuan untuk mematikan serangan makhluk perosak. Bahan kimia yang digunakan ialah Methyl Bromide atau Ethyleneoxide-carbon dioxide. Kedua-dua bahan ini amatlah berbahaya kepada manusia dan perlu dilakukan oleh pihak syarikat atau individu yang berkelayakan dan mempunyai lesen untuk mengendalikan bahan beracun. Bagi ruang simpanan atau repositori yang kecil, proses pengawasapan menggunakan paradichlorobenzene boleh dibuat di mana ianya lebih mudah dan murah.
- d) Biopesticide juga boleh digunakan dalam mencegah serangan makhluk perosak di mana kaedah kawalan secara organik boleh mengurangkan risiko bahaya kepada manusia, haiwan darat dan aquatik serta mengelakkan masalah kerintangan kepada perosak. Beberapa formulasi atau kaedah yang dirumuskan secara organik bagi tujuan mengawal dan mencegah serangan makhluk perosak bertindak membentuk lapisan pelindung dengan mencemarkan makanan serangga atau makhluk perosak, melembakan dan menimbulkan ketidakselesaan kepada serangga perosak dan seterusnya serangga perosak akan mati atau menjauhi bahan atau koleksi organik tersebut.

KENALI IKAN SUNGAI MALAYSIA

Oleh: Norshidah binti Mohd Mastura
Muzium Alam Semula Jadi

KUALA LUMPUR - Malaysia sangat bertuah kerana dianugerahkan dengan kekayaan biodiversiti flora dan fauna sehingga disenaraikan sebagai salah satu daripada 17 negara megadiversiti dunia. Dikatakan terdapat hampir 650 spesies ikan air tawar di negara ini dan sebanyak 300 daripada jumlah tersebut boleh ditemui di Semenanjung Malaysia. Jumlah spesies yang besar ini menunjukkan betapa kayanya diversiti ikan air tawar dari pelbagai ekosistem akuatik. Sungai merupakan salah satu dari ekosistem tersebut dan sejumlah 100 daripada keseluruhan 150 sistem sungai berada di Semenanjung Malaysia.

Bagi memahami lebih mendalam akan kenyataan tersebut, maka satu program Bicara@Muzium anjuran Muzium Alam Semula Jadi bertajuk "Kenali Ikan Sungai Malaysia" telah dilangsungkan pada 6 September 2023 di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia. Bicara kali telah disampaikan oleh Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Perikanan Glami Lemi iaitu Dr. Haslawati binti Baharuddin bagi mengupaskan tentang keunikan khazanah ikan sungai di Malaysia.

Memulakan sesi bicara, Dr. Haslawati menceritakan sebab utama beliau melanjutkan pengajian ijazah tentang ikan-ikan asli yang ada di sungai-sungai Pahang terutamanya spesies ikan patin (famili Pangasiidae) yang popular di Temerloh, juga dikenali dengan gelaran Bandar Ikan Patin. Menurutnya, Malaysia mempunyai raja sungai dan juga spesies ikan sungai lain yang bersaiz mega sehingga menjadi igauan pemancing. Penyesuaian dengan persekitaran semula jadi, flora dan fauna dalam kitaran pemakanan, disokong pula faktor geologi dan hidrologi sungai yang saling bergantung dan bergabung-jalin menambahkan keunikan yang tidak dapat disangkal lagi. Situasi ini juga secara tidak langsung menjadikan ikan sungai dari sumber asli tempatan ini tinggi nilai pasarannya.

Namun ekoran pembangunan dan perubahan habitat yang kurang lestari, eksploitasi secara berlebihan dan kurang berhemah telah menambah tekanan kepada populasi ikan sungai asli. Penganalan ikan pendatang bagi tujuan menambah sumber protein melalui akuakultur menjadi satu lagi ancaman yang utama. Keupayaan beradaptasi dan kelebihan ikan pendatang ini sebagai spesies akuakultur, jika tanpa kawalan dan pemantauan menjadi salah satu potensi menjadi invasif seterusnya mengancam ikan sungai asli kita. Kekeliruan identiti yang ditimbulkan akibat kehadiran ikan pendatang yang diperkenalkan untuk merencanakan industri perikanan dan rekreasi kini memerlukan kesedaran di semua peringkat masyarakat untuk menangani impak negatif yang terhasil.

Semoga program Bicara@Muzium ini diharap dapat menjadi wadah bagi menambahkan pengetahuan tentang keunikan khazanah warisan negara kita, terutamanya mengenai ikan-ikan sungai Malaysia serta kepentingan memelihara dan menjaganya agar khazanah alam ini dapat terus dinikmati bersama.



Program Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah

Oleh: Zamzarina binti Khalid, Muzium Kota Kuala Kedah

KOTA KUALA KEDAH - Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Kota Kuala Kedah telah menganjurkan Program Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 13 hingga 15 Oktober 2023 merupakan inisiatif JMM ke arah memperkukuhkan perpaduan seluruh masyarakat Malaysia menerusi kerangka "Membangun Negara MADANI melalui Prinsip Perpaduan Dalam Kepelbagaian". Selain itu Program Semarak @ Muzium Kota Kuala Kedah dilihat berpotensi menarik minat komuniti terutamanya masyarakat berbilang kaum di Negeri Kedah dalam usaha mendekatkan komuniti masyarakat dengan dunia permuziuman melalui aktiviti dan budaya. Program ini juga merupakan satu inisiatif Jabatan Muzium Malaysia dalam rangka libat urus bersama pelbagai pihak sama ada dalam kalangan Agensi Persekutuan, Institut Pengajian Tinggi Awam, pertubuhan atau persatuan, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) dan orang perseorangan.

Program ini dirasmikan oleh YB Dato' Mohd Salleh bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Keusahawanan Negeri Kedah dan turut dihadiri Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim Ketua Pengarah JMM, Pengarah Muzium Negeri Kedah, Pengarah Institut Kemahiran Mara, Rektor Universiti Teknologi Mara, wakil dari jabatan dan agensi kerajaan dan orang perseorangan.



Pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuklah pameran dan demonstrasi dari pelbagai jabatan dan agensi seperti Muzium Negeri Kedah, Arkib Negara Malaysia, Tourism Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kraftangan Malaysia, Bahagian Konservasi dan Perpustakaan Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara, Institut Kemahiran Mara, Universiti Teknologi Mara, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Selain itu turut diadakan pertandingan memancing, pertandingan sukan rakyat, pertandingan gubahan sireh junjung dan pulut kuning

Seterusnya pada hari ketiga berlangsung Program Bicara Sejarah: Warisan Senibina dengan menampilkan pembentang YBrs. Dr. Mohd Jaki bin Mamat dari Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan Dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia dengan tajuk "Rumah Tradisional Malaysia" dan Ar. IDr. Ts. Noraslinda binti Abdul Rahman Pengarah Pusat Pengajian Alam Bina Dunia Melayu (KALAM) Universiti Teknologi Mara dengan tajuk "Nilai Seni Bina Warisan". Program ini dimoderatorkan oleh Encik Hakimi bin Ahmad selaku Pensyarah Senibina Dalam Rangka Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia. Selain itu turut diadakan pertandingan melukis dan pakaian beragam oleh kanak-kanak Tabika Kemas dan Tabika Perpaduan.

Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan jayanya serta mencapai objektif dan matlamat yang disasarkan oleh Jabatan Muzium Malaysia. Sepanjang program ini berlangsung jumlah keseluruhan pelawat yang direkodkan ialah seramai 7,000 orang.

Menyelusuri Sejarah Balai Polis Sungai Lembing

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing



Balai Polis Sungai Lembing pada tahun 1930



Balai Polis Sungai Lembing sekarang

SUNGAI LEMBING - Balai Polis Sungai Lembing adalah salah satu di antara bangunan lama yang masih utuh. Balai Polis ini terletak kira-kira 42 kilometer dari bandar Kuantan dan terletak di Mukim Ulu Kuantan. Tapak bangunan balai polis ini asalnya dikatakan adalah kawasan tepi sungai yang ditambah suatu ketika dulu.

Bangunannya telah dibina pada tahun 1928 oleh syarikat perlombongan bijih timah Pahang Consolidated Company Limited (PCCL) dan dirasmikan pada 26 Februari 1932, namun telah dibina semula pada 1 Januari 1948. Balai polis ini kemudiannya telah diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia. Walaupun bangunan tersebut sudah berusia hampir 80 tahun, namun binaannya masih kukuh sehingga kini. Bangunannya terdiri daripada binaan kayu, batu dan besi.

Keluasan kawasan pentadbiran Balai Polis Sungai Lembing ialah 378 batu persegi dan keluasan tapak ialah 2 ekar. Ia telah diwartakan pada tahun 1932 dan termaktub di dalam Buku Undang-undang SUK Pahang. Sehingga tahun 2023, kekuatan anggota bagi Balai Polis Sungai Lembing meliputi 17 anggota Pangkat Rendah dan 1 orang penjawat awam.

Antara aktiviti dan fungsi Balai Polis Sungai Lembing ialah mengekalkan keamanan dan mencegah berlakunya jenayah di kawasan pentadbiran polis. Selain itu, balai polis ini berperanan dalam mewujudkan perasaan tanggungjawab dan kerjasama bersama dalam menangani masalah jenayah, penyalahgunaan dadah dan masalah sosial.

Adalah menjadi harapan semua pihak agar balai polis ini dapat terus dipelihara dan diangkat sebagai bangunan warisan negara oleh pihak berwajib. Keunikan bangunan ini yang masih utuh mengabadikan kisah-kisah Sungai Lembing seabad lamanya.



LAFAZ IKRAR RUKUN NEGARA MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN

Oleh: Yusri Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

KUALA LUMPUR - Lafaz Ikrar Rukun Negara telah diselenggarakan bermula dengan bacaan penuh mukadimah diikuti lima prinsip berkenaan di semua program rasmi kerajaan di seluruh negara sebagai usaha menyemai taat setia dan rasa cintakan negara. Kementerian Perpaduan Negara menjadi penggerak utama terhadap kepentingan Ikrar Rukun Negara ini dilafazkan setiap acara rasmi kerajaan. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang pernah menyatakan dalam teks ucapannya, usaha berkenaan ialah untuk meningkatkan penghayatan Rukun Negara sebagai ejen penyatupaduan rakyat dan membangkitkan sifat patriotisme dalam kalangan warga.

Mukadimah awal Rukun Negara mengajar dan mengajak rakyat untuk mengekalkan identiti sebuah negara yang diduduki pelbagai kaum dan etnik berganding bahu bersatu padu dalam menjaga keharmonian. Setiap bait yang dilafazkan seharusnya dihayati bersama agar meningkatkan lagi semangat anak bangsa Malaysia yang lebih positif sejajar dengan arus pembangunan berteknologi moden. Ikrar Rukun Negara bukan sahaja diwajibkan di semua program rasmi kerajaan malahan ia juga diterapkan di peringkat sekolah. Ansir negatif dari luar senantiasa mencari ruang dan peluang untuk menghidupkan api perkauman dan nilai-nilai murni perlu dipupuk seawal zaman persekolahan.

Usaha penerapan lafaz Ikrar Rukun Negara juga secara tidak langsung berkait rapat dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN). DPN merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian digunakan untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur.



Jabatan dan agensi termasuk Jabatan Muzium Malaysia di bawah Kementerian Perpaduan Negara tidak ketinggalan dalam memasukkan lafaz Ikrar Rukun Negara dalam semua acara rasmi yang diadakan. Lima prinsip utama Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, Kesopanan dan Kesusilaan harus dimulakan dengan;

- Mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;
- Memelihara cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

JALINAN KERJASAMA MUZIUM ALAM SEMULA JADI DENGAN MUZIUM DAN AGENSI LAIN MELALUI PINJAMAN KOLEKSI BAGI TAHUN 2018 – 2023

Oleh : Mohamed Ali bin Hj. Mohaideen, Muzium Alam Semulajadi

Koleksi merupakan nadi utama kepada sesebuah muzium dan ianya sangat bergantung kepada fungsi dan matlamat utama muzium tersebut ditubuhkan. Koleksi muzium secara amnya dibahagikan kepada beberapa cabang disiplin seperti arkeologi, antropologi, sains semula jadi, seni halus, seni perhiasan, sains sosial atau teknologi. Ciri yang membezakan antara sesebuah muzium secara amnya adalah bagaimana penggunaan objek atau spesimen asal serta pelaksanaan semua program muzium yang menjadikan koleksi muzium itu sebagai teras untuk menjayakan keberkesanan fungsi muzium itu sendiri.

Bagi menjadi sebuah muzium yang profesional, pengurusan koleksi (CM) yang baik perlu menjadi amalan bagi memastikan semua koleksi dapat diuruskan dengan betul. Pengurusan koleksi menerangkan bagaimana muzium mengurus dan menjaga koleksi mereka mengikut piawaian dan undang-undang yang berkaitan dengan muzium dan koleksi. Pengurusan koleksi ini merangkumi aspek perolehan, pendaftaran, penjagaan, pengendalian, pemuliharaan, dokumentasi, akses dan penyimpanan yang betul. Ruang penyimpanan dan juga pameran koleksi muzium mestilah mengikut piawaian persekitaran ideal yang ditetapkan supaya koleksi tersebut kekal lama untuk manfaat semua generasi kini mahupun akan datang.

Tujuan utama pengumpulan spesimen alam semula jadi adalah berteraskan pendidikan dan penyelidikan saintifik. Spesimen-spesimen ini akan dijadikan bahan rujukan utama dalam menerangkan dan menceritakan tentang kekayaan dan kepelbagaian hidupan dan sejarah semula jadi. Koleksi dan spesimen merupakan asas untuk penerangan Sejarah Alam Semula Jadi sesuatu tempat itu yang bertujuan untuk memelihara, memulihara, memberi penjelasan, serta mempromosikan warisan semula jadi dan budaya kemanusiaan (ICOM 2017).

Seiring penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963 dan seterusnya pada 1968 dengan pembukaan galeri Ilmu Kejadian yang memaparkan khazanah koleksi fauna dan flora negara telah dibuka kepada orang ramai sehingga tahun 2006. Rentetan kerja-kerja naiktaraf Muzium Negara pada ketika itu secara tidak langsung menyebabkan Balai Ilmu Kejadian yang beroperasi selama 43 tahun di Muzium Negara dibubarkan dan pada tahun 2008 telah dipindahkan ke bangunan Diplomatik Presint 15, Putrajaya dan dinamakan semula sebagai Muzium Alam Semula Jadi (MAS). Galeri tersebut yang dibuka kepada umum pada 2010 mempamerkan sebahagian besar spesimen yang pernah dipamerkan di Balai Ilmu Kejadian, Muzium Negara. Namun pada tahun 2017 sekali lagi galeri tersebut ditutup dan berpindah ke Muzium Diraja, Kuala Lumpur menyebabkan hingga kini tiada lagi galeri tetap untuk mempamerkan koleksi fauna dan flora.

Justeru, pengurusan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) telah merancang agar koleksi spesimen tidak tersimpan begitu sahaja di repositori dan berusaha untuk mempamerkan koleksi MAS menerusi kaedah pinjaman dan kerjasama kepada agensi-agensi yang berminat untuk mempamerkan koleksi fauna dan flora. Sejak tahun 2018, MAS telah menjalankan kerjasama dengan bahagian dan muzium lain dibawah Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Negeri, Jabatan Mineral dan Geosains dan beberapa IPTA seperti Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya melalui penganjuran pameran bersama pihak tersebut. Usaha dan kaedah tersebut ternyata berjaya dan mendapat sokongan kerana dalam tempoh 6 tahun sejak 2018, sebanyak 436 koleksi spesimen MAS telah dipamerkan di pelbagai lokasi dan pameran.

Walau bagaimapapun kesemua koleksi yang dipinjamkan masih terikat dengan syarat-syarat dan peraturan dibawah Pengurusan Koleksi MAS. Penglibatan dan kerjasama kakitangan MAS dalam memberi khidmat nasihat dan penyediaan pameran turut memberi pengalaman dan meningkatkan jaringan bersama agensi-agensi terlibat. Walaupun tidak mempunyai galeri pameran yang tetap namun ia tidak menjadi kekangan buat Muzium Alam Semula Jadi untuk terus mempamerkan koleksi-koleksi berharga untuk tatapan umum.



Jadual 1 : Jumlah pinjaman keluar koleksi spesimen Muzium Alam Semula Jadi

TAHUN	JABATAN MUZIUM MALAYSIA	AGENSI LUAR	JUMLAH SPESIMEN
2018	11	33	44
2019	46	32	78
2020	30	32	62
2021	7	33	40
2022	15	101	116
2023 (hingga Oktober)	67	29	96
		JUMLAH BESAR	436



Graf menunjukkan jumlah pinjaman koleksi bagi tahun 2018 hingga 2023

SAMBUTAN 60 TAHUN MUZIUM NEGARA



Perasmian Muzium Negara telah disempurnakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke-III, Tuanku Syed Putra Al-Haj Idris Almarhum Syed Hassan Jamalullail pada 31 Ogos 1963. Sejak perasmian, Muzium Negara telah mengadakan pelbagai program dan aktiviti dalam mengetengahkan sejarah, budaya dan alam semula jadi Negara menerusi koleksi, pameran, penyelidikan, penerbitan serta pendidikan muzium.

Bersempena ulang tahun ke-60 pada tahun ini, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) telah merangka pelbagai program dan aktiviti bermula 31 Ogos hingga 3 September 2023.

Program-program ini termasuklah Pameran 60 Tahun Muzium Negara: Satu Retrospektif, Malam Gema Puisi, Mini Konsert, Majlis Apresiasi Media & Rakan Strategik, Larian 60 Tahun Muzium Negara, pelancaran Kapsul Masa, penyertaan dalam Malaysia Book of Records dan lain-lain.

Sambutan ini merupakan satu program di bawah Citra Nusa@Muzium yang bertunjangkan gagasan Malaysia Madani.



USAHA MEREKOD DATA KOLEKSI KULIT SAINTIFIK MUZIUM ALAM SEMULA JADI MELIBATKAN SPESIMEN TAHUN 1963 – 1982

Oleh: Mohammed Ali Bin Hj. Mohaideen, Muzium Alam Semula Jadi

Muzium adalah institusi penting yang berperanan mengumpul dan mempamer pelbagai khazanah yang mempunyai nilai sejarah, seni, budaya dan alam semula jadi untuk para pelawatnya tidak kira pelancong mahupun masyarakat tempatan agar dapat mengenali dan menghargai khazanah yang dimiliki oleh sesebuah negara. Sudah menjadi lumrah tugas para pegawai muzium selain mempamer artifak, perlu juga dilaksanakan amalan terbaik dalam aspek penyimpanan, pemuliharaan dan pemeliharaan, penyelidikan serta pendokumentasian koleksi muzium. Koleksi muzium yang terdiri daripada artifak dan spesimen merupakan nadi utama bagi sesebuah muzium kerana tanpa koleksi maka tiadalah muzium. Secara prinsipnya setiap koleksi muzium perlu lengkap dengan maklumatnya yang jelas dan tepat sebagai nilai tambah terhadap koleksi itu sendiri yang boleh dirujuk oleh pelawat sekiranya hendak mengetahui nilai saintifik mahupun sejarah koleksi tertentu di muzium.

Penubuhan Muzium Negara pada tahun 1963, ilham Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mengimpikan supaya adanya sebuah muzium nasional khusus bagi menghimpunkan koleksi khazanah sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi negara akhirnya terlaksana. Tugasan tersebut telah digalas dengan sebaiknya oleh Pengarah Muzium Negara yang pertama iaitu Allahyarham Tan Sri Dr. Haji Abdul Mubin Sheppard bersama pemangkunya Allahyarham Datuk Shahrudin Yub. Setelah siapnya galeri etnologi Muzium Negara, kerja penyediaan galeri Ilmu Kejadian telah diteruskan dengan konsultasi oleh Arne S. Dyhrberg, pakar taksidermi yang dipinjamkan dari Muzium Bogor, Indonesia. Beliau turut dibantu oleh Encik Wee Ho Cheng, Ketua Pengawet Bentuk Binatang Muzium Negara dan kakitangan Unit Ilmu Kejadian. Kerja-kerja mengumpul, merekod dan mengawet contoh haiwan giat dilakukan untuk menyiapkan galeri pameran tersebut. Kerja-kerja perolehan spesimen melalui kembara nekad turut dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan Ilmu Kejadian dengan kerjasama pihak Mergastua (kini PERHILITAN) dan beberapa agensi lain.

Setiap spesimen yang diperolehi di lapangan akan direkodkan mengikut kaedah piawai daftar spesimen muzium antarabangsa pada ketika itu. Maklumat terperinci spesimen seperti nombor daftar, nama saintifik, lokaliti, jantina, ukuran spesifik mengikut spesimen, cara perolehan, tarikh, nama pengumpul dan nama pengawet dicatatkan dalam kad daftar dan buku daftar katalog. Tag nama yang dituliskan maklumat perincian spesimen turut diikat atau dikepilkan pada spesimen tersebut. Segala maklumat tersebut sangat penting sebagai bukti identiti pengenalan bagi setiap spesimen dan juga sebagai rujukan para penyelidik.

Pada peringkat awalnya kerja-kerja merekod perolehan spesimen di Unit Ilmu Kejadian telah diterajui oleh Encik Jeffrey Heah Soon Hock dan dibantu oleh beberapa kakitangan Ilmu Kejadian yang lain. Sebagai contohnya semua spesimen kulit burung saintifik akan direkodkan secara tulisan tangan dalam buku katalog dan kad daftar. Kemudian apabila adanya mesin taip, barulah ada sebahagian rekod tersebut telah mula ditaip terutamanya maklumat pada kad daftar spesimen dan ada juga senarai katalog koleksi yang ditaip semula.

0510

PUSAT REKOD JABATAN MUZIUM

AC No. IX/8/271
(Ref: MN/RC)

ACCESSION CARD

Type of Collection: Ilmu Kejadian
Title: Eurystomus orientalis/Broad-Billed Roller
Accession Number: IX/8/271
Particulars: 1 specimen - scientific skin
Origin: Kg. Bukit Berangan, Kota Kuala Muda, Kedah.
Measurement: L H W DIA
Source of Acquisition
Purchase: (L/O No.)
Gift: (G No.)
Loss: (L No.)
Other Sources: shot (OS No.)
Date Acquired: 20.11.80 File No.
Place of Storage: in repository, cupboard No. 8.11 Insurance Value
Condition: Good
In the Custody of: Natural History Section
Date Recorded and Initial of Recorder: 4.12.80
GMS-3637-TCK, KT

Contoh kad pusat rekod Jabatan Muzium

0510

PUSAT REKOD JABATAN MUZIUM

OS No.

OTHER SOURCES CARD

Type of Collection: Ilmu Kejadian
Title: Eurystomus orientalis/Broad-Billed Roller
Accession Number: IX/8/271
Particulars: 1 specimen - scientific skin
Method of Collecting: shot
Place: Kg. Bukit Berangan, Kota Kuala Muda, Kedah
By: Wee Ho Cheng
Date Collected: 20.11.80
Date or Period (if known)
Place of Storage: in repository, cupboard No. 8.11
GMS-3637-TCK, KT

Contoh kad pusat rekod Jabatan Muzium

Namun kini keadaan berubah apabila berkembangnya penggunaan teknologi maklumat termasuklah kaedah penyimpanan rekod. Muzium Alam Semula jadi turut melaksanakan kerja-kerja penyalinan semula rekod-rekod lama koleksi spesimen ke dalam dokumen Microsoft Excel supaya memudahkan urusan rekod penyimpanan dan pergerakan spesimen. Namun demikian kerja penyalinan semula maklumat perlu dilakukan secara berhati-hati dan memerlukan pelan kerja yang sistematik kerana melibatkan banyak data yang ditulis dengan tulisan tangan malah ada juga yang tidak jelas tulisannya kerana tag spesimen yang terlalu lama. Justeru, penulis terpaksa mengumpul dan memeriksa dengan teliti setiap rekod lama itu sama dengan tag spesimen selain perlu juga memahami kaedah atau sistem merekod yang digunakan pada waktu itu.

Pada fasa pertama sebanyak 1,166 spesimen kulit saintifik burung dan 321 kulit saintifik mamalia yang berjaya disalin semula hasil pemeriksaan silang dari beberapa buku daftar katalog dan kad daftar. Tidak dinafikan bahawa terdapat beberapa kesukaran ketika menjalankan kerja-kerja penyalinan semula, antaranya adalah buku-buku rekod yang telah dimamah usia dimana setiap helaian harus ditangani secara berhati-hati, tulisan tangan yang kadangkala mengelirukan justeru perhatian dan penelitian yang tinggi untuk menyalin semula rekod-rekod tersebut supaya tidak tersalah maklumat.


Faktor-faktor tersebut menjadikan kerja-kerja penyalinan semula dalam bentuk *softcopy* menjadi lebih sukar dan lebih lama masa diperlukan untuk menyiapkan tugas tersebut. Namun demikian fasa ini merupakan permulaan untuk memperkasakan dan menambah nilai saintifik kepada koleksi spesimen yang tersimpan rapi di repositori Muzium Alam Semula Jadi. Kerja-kerja kemaskini rekod ini harus dilaksanakan secara berterusan secara sistematik agar seiring dengan visi dan peranan muzium sebagai gedung himpunan koleksi dan juga sumber edutainment untuk semua lapisan masyarakat.



Contoh tag yang dikepilkan bersama spesimen.



Buku rekod lama yang menyimpan maklumat berkaitan spesimen



Kerja-kerja penyalinan semula secara digital sedang giat dilakukan

PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA 2023

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Muzium Kraf Orang Asli

KUALA LUMPUR - PROGRAM CITRA NUSA@MUZIUM: MAGIS BELANTARA 2023 telah berjaya diteruskan penganjurannya pada tahun ini oleh Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA). Program ini dahulunya dikenali dengan nama Semarak Muzium@MSKOA. Program ini memberi fokus kepada keunikan sosio-budaya di belantara dalam kosmologi kehidupan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Ini kerana, masyarakat Orang Asli diketahui sebagai komuniti yang mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri dalam kehidupan sejagat, malahan ada keunikan tersebut tidak diketahui oleh masyarakat umum pada hari ini.

Program sebegini untuk tahun ke 6 penganjurannya telah berlangsung pada tarikh 28 hingga 29 Oktober 2023 selama 2 hari (Sabtu dan Ahad) bermula pada jam 10.00 pagi sehingga 5.00 petang bertempat di Dataran Muzium Negara. Program ini memaparkan pelbagai aktiviti suku kaum masyarakat Orang Asli (Semai, Mah Meri, Temiar dan Temuan) melalui persembahan kebudayaan dan beberapa aktiviti demonstrasi seperti Segmen Gastronomika dan Eksotika Orang Asli, Herba, Anyaman Bubu dan Bakul, Anyaman Mengkuang, Ukiran Patung dan Topeng, Pertandingan dan Permainan Tradisional, Demonstrasi dan Pertandingan Menyempit dan reruai jualan kraftangan oleh masyarakat Orang Asli. Program ini diselitkan juga dengan acara cabutan bertuah, pengunjun bertuah, kuiz program, reruai paling kreatif dan jurudem paling 'sporting'.

Seramai 6,111 pengunjung berjaya direkodkan sebagai catatan kehadiran untuk program yang berlangsung selama 2 hari ini. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha (KSU), Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan YBhg. Datuk Kamarul Baharin Bin A.Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia dengan diiringi oleh YBrs. En. Mohamad Shawali Bin Haji Badi, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Jabatan Muzium Malaysia dan YBrs. En Mohd Razaimi Bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman) Jabatan Muzium Malaysia pada hari ke 2 program ini berlangsung. Sekali lagi, untuk memeriahkan program ini, kelab – kelab bermotosikal menjadi salah satu jemputan utama di dalam program ini iaitu pada tarikh 29 Oktober 2023 (Ahad) yang terdiri daripada :

- i) RC Bikers Community (RCBC)
- ii) Kanda Dinda Couple Rider
- iii) Versys Owners Group (VOG)
- iv) Pahang Versys Group (PVG)
- v) KTNS RS3 Adv Sentral
- vi) Legend Motomania (LMB)
- vii) Kelab Yamaha T2M Selangor (KYTS)
- viii) Loudness tZ
- ix) Papacrew Honda NSR 150
- x) TZR 125 SeMalaysia & Members
- xi) T2M Rider Bersatu (TRB)
- xii) T2M Slim River (TSR)
- xiii) 1 Melaka Motor Club (1MMC)
- xiv) Ride Laki Bini Melaka
- xv) SYM VF3i Malaysia



Program ini telah berjaya menarik minat dan kehadiran pelbagai pengunjung yang terdiri daripada Jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Masyarakat Orang Asli, pelancong dari dalam dan luar negara, NGO Orang Asli, Aktivistik Orang Asli dan Masyarakat Orang Asli serta siswa dan siswi dari IPTA, IPTS dan para pelajar dari Sekolah Rendah dan Menengah.

Program Magis Belantara turut dimeriahkan dengan aktiviti jualan oleh agensi kerajaan dan swasta serta Usahawan Orang Asli seperti berikut:-

1. PERPUSTAKAAN JMM
2. FRIM
3. ASYIK FM
4. KL HOP ON HOP OFF
5. GERAJIA
6. BAH DEK KRAF TAPAH
7. MACRA SERVICES
8. LENNY HANDMADE JEWELLERY
9. K NYEREH BATU ENTERPRISE
10. TEPOH TEMPOK
11. TEMUAN ABO CRAFT
12. BADRUL CRAFT & COLLECTION
13. MAMAGY BAKE HOUSE
14. DOUBLE 'Z' AIR BALANG
15. RINA OWESOME PASTRY
16. LAN LOKCING



17

Objektif program ini ialah untuk menjadikan kepelbagaian produk kebudayaan yang boleh dijadikan pengetahuan dan pemasaran kepada kepelbagaian lapisan masyarakat tempatan dan pelancong asing melalui "kearifan tempatan" yang ada pada komuniti masyarakat Orang Asli. Keterlibatan JMM sebagai bridge of knowledge (jambatan pengetahuan) melalui instrumen ini sedikit sebanyak menjadikan muzium tarikan utama kepada rujukan rasmi dan platform pembelajaran tidak langsung.

Program ini juga sedikit sebanyak memberikan pendedahan mengenai silang budaya antara masyarakat Orang Asli dengan lain-lain ras yang ada di Malaysia dan ini juga merupakan satu peluang dalam pendokumentasian data kepada pembentukan negara bangsa.

Program ini merupakan nilai tambah kepada aktiviti permuziuman selain menjadi platform terbaik untuk masyarakat Orang Asli mengenengahkan hasil produk mereka di samping menarik minat kepada artisan masyarakat Orang Asli berkongsi idea mengenai kearifan tempatan yang telah mereka amalkan sejak dahulu lagi.

Program Magis Belantara 2023, di bawah kelolaan Muzium Seni Kraf Orang Asli telah berjaya dilaksanakan dengan Kerjasama pelbagai pihak. Program sebegini pada setiap tahun dapat mengetengahkan Orang Asli daripada pelbagai suku kaum di Semenanjung Malaysia agar terus diurus perdanakan.

PROGRAM CITRA NUSA @ MUZIUM MATANG

Oleh: Nor Aini binti Hassan, Muzium Matang



MUZIUM MATANG - YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak Darul Ridzuan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Program Citra Nusa@Muzium Matang anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) yang berlangsung dari 8 hingga 10 September 2023.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara ke arah mencapai hasrat kerajaan bagi memperkukuh perpaduan masyarakat Malaysia menerusi kerangka 'Membangun Negara MADANI melalui Prinsip Perpaduan Dalam Kepelbagaian'. Program yang berteraskan warisan seni dan budaya berkonsep 'karnival' atau 'fiesta' ini mensasarkan penyertaan dari pelbagai lapisan masyarakat khususnya di sekitar daerah Matang.

Sepanjang tiga hari berlangsung, beraneka acara dan aktiviti menarik telah dilaksanakan antaranya Pameran Malaysia Tanah Airku, Pesta Cahaya Perpaduan, Kayuhan Santai Perpaduan, persembahan wayang kulit, wayang pacak, jualan rahmah, pertandingan tarian tradisional, pertandingan peragaan busana etnik, pertandingan tari Silat Sembah, pertandingan deklamasi sajak dan persembahan artis undangan.

Bersempena usia 165 tahun Kota Ngah Ibrahim, Muzium Matang turut menganjurkan Pameran Artifak Terpilih Muzium Matang. Pameran ini memaparkan susur-galur sejarah Perak bermula dari zaman pra-sejarah dengan penemuan fosil manusia 'Perak Man' di Lembah Lenggong, Perak. Antara artifak-artifak menarik lain yang turut dipamerkan ialah gendang Dongson, fosil gigi gajah jumpaan di Gua Tambun, tembikar dan tengkorak kepala manusia jumpaan arkeologi di Kuala Selinsing dan lain-lain lagi.

Program Citra Nusa @ Muzium Matang ini turut dijayakan bersama oleh beberapa agensi lain seperti Muzium Kapal Korek, Lembaga Muzium Negeri Perak, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara Taiping, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), FAMA dan ADABI. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan seramai 18,633 orang pengunjung hadir.

Penglibatan komuniti setempat dalam program seperti ini diharapkan dapat menyerlahkan hasrat kerajaan untuk meningkatkan semangat muhibah, toleransi dan sikap saling menghormati di antara satu sama lain. Disamping itu, usaha JMM melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti ini akan memantapkan peningkatan apresiasi terhadap warisan sejarah, seni dan budaya negara serta meningkatkan Indeks



Program Bermalam @Muzium Sungai Lembing 2023

Oleh: Wahidayu binti A Wahab, Muzium Sungai Lembing

KUANTAN, PAHANG – Pada 22 September dan 23 September 2023, telah berlangsung Program Bermalam @Muzium Sungai Lembing bertempat di Muzium Sungai Lembing.

70 orang peserta telah mengambil bahagian dalam proram ini, iaitu daripada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abu Bakar, Kuantan, Sekolah Menengah Kebangsaan Indera Mahkota 2, Kuantan dan Sekolah Menengah Sains Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan. Lima orang guru pengiring dari sekolah tersebut turut terlibat dalam menjayakan Program ini dan turut dibantu oleh lapan orang pelajar Pra-Universiti Kolej Tingkatan Enam Astana, Kuantan yang berperanan sebagai fasilitator sepanjang program berlangsung.

Pelbagai aktiviti menarik telah disediakan sepanjang program ini diadakan. Pada hari pertama aktiviti Ekspresi Ikut dan Celup diadakan para peserta telah menunjukkan bakat dan kreativiti corak menarik pada T-shirt yang dibekalkan. Pada sebelah malam pula, peserta didedahkan tentang Sejarah Sungai Lembing melalui aktiviti 'Pengkisahan Sungai Lembing' oleh Encik Zamri Pembantu Muzium, Muzium Sungai Lembing. Persembahan Nyanyian Lagu Patriotik secara karaoke berantai turut diadakan bagi menyemarakkan semangat kenegaraan sebelum menonton menonton Wayang Pacak



Pada hari kedua program, dimulakan dengan aktiviti senam robik dan selepas itu ialah Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik yang telah diadili Encik Peterson Augustine Jadan, Ketua Muzium Sungai Lembing. Acara kemuncak ialah Demostrasi membuat Kuih Bakar oleh peserta sebelum ceramah melalui Slot Rukun Negara 'Pemangkin Jati Diri yang telah disampaikan oleh Puan Nurul Farhah binti Hamidi. Majlis Penutup Program Bermalam@Muzium Sungai Lembing yang telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Asmawi bin Daud, iaitu wakil Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pahang.

Melalui penganjuran program ini, diharapkan ia dapat terus mengukuhkan peranan muzium sebagai pemangkin dan penyumbang kepada peningkatan pendidikan, nilai perpaduan dan pengekalan budaya kepada negara. Sejalan dengan itu, diharapkan program ini berupaya memupuk persefahaman dan semangat perpaduan antara semua kaum kearah membina masyarakat madani yang bersatu padu.





PROGRAM SEMARAK @MUZIUM ADAT TAHUN 2023

Oleh:
Siti Norhayati
binti Tapsir,
Muzium Adat

JELEBU - Pada 21 dan 22 Oktober 2023 (Sabtu dan Ahad), Muzium Adat telah mengadakan program Semarak@Muzium Adat, Jelebu, Negeri Sembilan. Objektif utama program ini ialah untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai peranan Muzium Adat sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal yang menyediakan pelbagai program kepada masyarakat. Tema 'makanan warisan' dipilih bagi tahun ini dengan menentangakan makanan tradisional dari Negeri Sembilan termasuklah daripada masyarakat kaum Cina, India dan Orang Asli.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias, Exco Kanan Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Ahli Parlimen Jelebu dan turut di hadiri YB Dato' Ir. Bakri bin Sawir, ADUN Klawang, Yang Berusaha Encik Mohamad Sobri bin Mat Daud, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Yang Berusaha Encik Abdul Rahim bin A. Aziz, Pegawai Daerah Jelebu dan ketua jabatan/wakil agensi kerajaan sekitar daerah Jelebu dan Negeri Sembilan.

Program selama dua hari ini dimeriahkan dengan pameran dan pelbagai aktiviti oleh agensi-agensi kerajaan dan NGO. Program ini telah menarik kedatangan pengunjung dengan kehadiran seramai lebih 2,000 orang. Acara yang diadakan termasuklah Pertandingan Pakaian Beragam Si Cilik, Pertandingan Makan Roti Canai Terbanyak, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Reka Cipta Tanglung, Pertandingan Family Treasure Hunt, Pertandingan Melipat Tanjak, Pertandingan Lambung Teh Tarik, Pertandingan Pulut Kuning Berhias, Pertandingan Dapur Masam-masam Manis, Bual Adat, Pertandingan Fesyen Bollywood Kanak-Kanak, Pertandingan Junior Chef, petting zoo, gubahan belon, Pertandingan Kaligrafi Cina, Pertandingan Gubahan Sayur-Sayuran, Pertandingan Melukis dan Pertandingan Nyanyian Irama 60an dan 90an. Selain itu persembahan kebudayaan pelbagai kaum turut diadakan termasuklah Tarian Kolattam, Tarian Kipas, Tarian Endang, Tarian Bujang Runjung dan Tarian Burung Tiung.

Secara tuntas, program seumpama ini boleh dijadikan platform terbaik bagi menyemai rasa cinta dan sayang terhadap sejarah, budaya dan warisan negara khususnya dalam kalangan generasi muda dan pelajar. Selain itu, jaringan kerjasama di antara Muzium Adat dengan pelbagai agensi lain dapat diperkasa dan dimanfaatkan. Penganjuran program seumpama ini berupaya menjadikan Muzium Adat sebagai salah sebuah ikon pelancongan yang perlu dilawati di Negeri Sembilan.



PROGRAM BERMALAM DI MUZIUM PERAK

Oleh: Norhayati binti Ismail,
Muzium Perak

TAIPING - Program Bermalam di Muzium anjuran Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kali ini telah berlangsung pada 22 & 23 September 2023 yang turut melibatkan semua muzium dibawah pentadbiran JMM dan beberapa buah muzium negeri yang terpilih. Tujuan program ini ialah memberi pengalaman dan pendedahan kepada pelajar berkaitan dengan muzium.

Muzium Perak turut tidak ketinggalan apabila sebanyak tujuh buah sekolah sekitar Taiping dengan penglibatan seramai 80 orang pelajar telah menyertai program ini. Sekolah yang terlibat ialah Treacher Methodist Girls School (TMGS), SMK Klian Pauh, SMK King Edward VII, SMK Pengkalan Aur, SMK Dr Burhanudin, SMK Darul Ridzuan dan SMK Taman Panglima. Sepanjang program selama dua hari satu malam ini, para pelajar berpeluang merasai pengalaman bermalam di dalam muzium selain menyertai pelbagai aktiviti dengan selian para guru dan juga kakitangan muzium.

Antara aktiviti yang disediakan adalah Ekspresi Ikat dan Celup (Tie and Dye) yang menjadi acara utama di setiap muzium yang terlibat.

Baju yang siap melalui proses ikat dan celup menjadi pakaian oleh semua pelajar pada majlis penutupan program ini. Selain itu, peserta turut terlibat dalam slot kerohanian diri yang diadakan sebagai pengisian pada waktu maghrib dan isyak.



Kemudian, disusuli dengan aktiviti Penghayatan Rukun Negara Pemangkin Jati Diri dan aktiviti 'Night @ The Museum: The Wise Owl'. Pada hari kedua pula diadakan beberapa aktiviti seperti Senam Sihat, Eksplorasi Rukun Negara, Seindah Bahasa, Teka Seni Tari, Tak Kenal Maka Tak Cinta dan Nostalgia Anak Kampung.

Program sebegini dilihat amat bertepatan sekali sebagai platform yang dapat menyatupadukan para pelajar daripada pelbagai bangsa dan agama disamping secara tidak langsung turut mengeratkan lagi hubungan dan muafakat sesama pelajar menerusi aktiviti secara berkumpulan yang mereka lalui. Program ini diakhiri dengan majlis perasmian penutup yang diadakan serentak secara maya di seluruh negara.



CITRA NUSA@MUZIUM KOTA KAYANG

SEMARAK UTARA: MENYEMAI PERPADUAN YANG TIADA TARA

Oleh: Siti Munirah binti Kasim, Muzium Kota Kayang, Perlis

KAYANG - 3-5 November 2023, Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang merupakan program yang dianjurkan Kementerian Perpaduan Negara menerusi Jabatan Muzium Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang merupakan program permuziuman berteraskan warisan seni dan budaya yang berkonsepkan 'karnival' atau 'fiesta' yang mensasarkan penyertaan seluruh masyarakat dari pelbagai latar belakang budaya dan kaum. Secara umumnya program diisi dengan tiga komponen utama iaitu Pameran Malaysia Tanah Airku; Program 'Edutainment' dan Semarak Muzium. Program ini dirancang pengisiannya berpandukan kepada 3 teras Malaysia MADANI iaitu Patriotisme dan Demokrasi; Identiti Nasional dan Ekosistem Perpaduan di bawah flagship Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang memayungi 3 kluster utama program iaitu Semarak KENEGARAAN; Semarak PERPADUAN dan Komuniti RAHMAH.

Citra Nusa@Muzium Kota Kayang secara dasarnya mengetengahkan budaya semua masyarakat berbilang kaum di utara tanah air dan Perlis secara khususnya dengan bertemakan "SEMARAK UTARA". Pengisian program meliputi Pameran Tanah Airku, Pameran pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertandingan permainan rakyat/tradisional, persembahan seni tradisional, persembahan kebudayaan, kesusasteraan, ceramah kerohanian, demonstrasi dan jualan produk seni dan kraf, jualan makanan, sukan rakyat - bendang, pertandingan Motorcross dan juga persembahan artis terkenal tanah air dengan membawakan tema kemanusiaan Palestin.

Program Citra Nusa pada tahun ini berjaya menarik lebih dari 10,000 pengunjung sepanjang 3 hari berlangsungnya program ini. Rata-rata pengunjung melahirkan perasaan gembira kerana mereka dapat menyertai pelbagai aktiviti yang dilaksanakan dan pada masa yang sama mendekati ilmu sejarah serta perpaduan negara. Sebagai contoh, Pameran Tanah Airku yang dipamerkan membawa satu alternatif baharu bagi program yang bercirikan pameran. Menurut pengunjung, walaupun buku sejarah di sekolah tercatat semua sejarah berkaitan negara namun penceritaan sejarah sebaiknya dilihat dengan bukti iaitu artifak yang sebenar dan pameran dipertontonkan dengan teknologi yang interaktif dan terkini.

Selain itu, gabungan Sukan Rakyat berkisar tentang Bendang (Sawah) membawa satu nafas baharu bagi program yang dilaksanakan di Muzium Kota Kayang. Generasi kini dapat mencuba permainan yang tidak lagi dimainkan di kalangan masyarakat pada masa kini. Antara permainan Sukan Rakyat Bendang yang dipertandingkan ialah Pertandingan Serkap Ikan, Pertandingan Pukul Bantal dan Pertandingan Tangkap Iтик. Semua pertandingan ini berjaya mengimbuai kembali kenangan satu ketika dahulu. Program-program sisipan sebegini merupakan manifestasi kepada peranan hakiki sebuah Muzium tersebut.



Selain pameran, program sisipan khusus untuk semua golongan masyarakat turut diadakan termasuklah Pertandingan Mewarna, Pertandingan Kebaya Cilik, Pertandingan Solekan Kreatif, Pertandingan Basikal Jejak Warisan, Senam Sihat Perpaduan, Pertandingan Memanah dan Pertandingan Memasak Warisan. Semua pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung yang hadir.

Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang juga telah berjaya membuat ruang niaga kepada peningkatan ekonomi setempat. Menerusi booth jualan yang dibuka kepada peniaga setempat mereka mampu menjaya ekonomi sehingga RM100,000 jumlah jualan kasar sepanjang tiga hari berniaga di program ini. Para peniaga juga berharap lebih banyak ruang berniaga bagi program-program yang dianjurkan oleh Muzium Kota Kayang kelak.

Secara keseluruhannya Program Citra Nusa@Muzium Kota Kayang ini telah mencapai objektif utama yang disasarkan iaitu mempromosi dan menyemarakkan aktiviti kebudayaan, kesenian dan warisan tempatan kepada pelancong domestik serta antarabangsa, selain mempromosikan industri pelancongan di negeri Perlis dan meningkatkan kefahaman apresiasi seni budaya kepada segenap lapisan masyarakat ke arah pembentukan perpaduan bangsa yang harmoni.



KURSUS KEMAHIRAN LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Oleh: Roseanida binti Abdul Kadir, Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi

KUALA LUMPUR – Kursus ini bermula dari 10 – 11 Oktober 2023 bertempat di Bilik Persidangan Jabatan Muzium Malaysia (JMM). Peserta kursus ialah seramai 42 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan JMM. Kursus ini diadakan secara bersemuka dan secara atas talian melalui Zoom Meet bagi peserta diluar Kuala Lumpur dan dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang Literasi Media dan Maklumat iaitu Encik Yazid bin Ibrahim Pustakawan Bahagian Gerakan Literasi Maklumat Perpustakaan Negara Malaysia.

Objektif kursus ialah bagi memahami dan refleksi nilai literasi maklumat, mahir menggunakan perpustakaan untuk mendapatkan maklumat, mahir menggunakan pengkalan data/enjin carian, memahami dan aplikasi asas proses penyelidikan dan memahami etika penggunaan internet.

Penceramah menghuraikan dengan jelas maksud literasi media dan maklumat (LMM) iaitu kemahiran yang digunakan untuk mengenalpasti mencari, menilai, mengurus, menyebarkan dan mencipta maklumat yang diperlukan dalam pelbagai medium dan format secara beretika dan meningkatkan pemikiran kritis dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Peserta kursus turut didedahkan juga dengan pelbagai carian maklumat dalam internet selain dari google seperti Duck Duck Go, Carrot2, E Jurnal, E Tesis, yahoo, Bing, freefullPDF, DOAJ (Directory of Open Access Journals), refseek, zlibrary, u-pustaka dan lain-lain lagi yang boleh mendapatkan maklumat secara percuma.

Penceramah mengendalikan kursus ini dengan menarik dan peserta kursus diberi gerak kerja menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh penceramah bagi menguji tahap kefahaman peserta terhadap apa yang diajar oleh penceramah. Suasana pembelajaran ini menjadikan peserta lebih fokus serta memahami apa yang disampaikan dengan lebih berkesan.



21

PROGRAM OUTREACH@MUZIUM SUNGAI LEMBING 2023 SEMPENA HARI KANTIN DAN KEUSAHAWANAN SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG BELUKAR 2023

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

KUANTAN, PAHANG – Pada 25 November (Sabtu) telah berlangsung Program Outreach Muzium Sungai Lembing di Sekolah Kebangsaan Belukar, Kuantan. Program ini diadakan bersempena Hari Kantin dan Keusahawanan Sekolah tersebut.

Program ini telah dirasmikan oleh wakil Toyota, Cawangan Kuantan dan bermula dari jam 7.30 pagi hingga 1.00 tengahari Ibumaba dan penduduk setempat di Kampung Belukar, Kuantan turut hadir memeriahkan program ini. Pameran dan aktiviti sampingan oleh agensi-agensi lain seperti Perbadanan Perpustakaan Negeri Pahang, Klinik Ivorymedic 24 jam, Bomba Pahang dan Syarikat Insurans Prudential turut diadakan.


Selain itu pihak sekolah turut mengadakan pelbagai gerai termasuklah gerai jualan makanan dan minuman, pakaian, karaoke dan juga cenderahati. Acara cabutan bertuah turut menjadi tumpuan sepanjang program tersebut berlangsung.

Muzium Sungai Lembing juga tidak ketinggalan dalam menyediakan pengisian program yang menarik kepada pengunjung terutamanya kepada pelajar sekolah dan ibubapa. Antara pengisian aktiviti muzium aktiviti mewarna, kuiz, menyusun gambar (Puzzle), mengasingkan rempah ratus dan lain-lain lagi.

Program ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan dengan kehadiran 1,313 orang pengunjung pelbagai bangsa dan peringkat umur. Program ini sememangnya mampu meluaskan jaringan kerjasama antara Muzium Sungai Lembing dan pihak sekolah serta masyarakat setempat di sekitar Kuantan.



**GALERI BERITA
@ MEDIA JMM**



**Kunjungan Pengurus Besar
Taman Warisan Melayu,
Lembaga Warisan Negara Singapura
Pada 4 September 2023**



**Lawatan Kerja KSU KPN YBhg.
Datuk Azman Bin Mohd Yusof Ke JMM
Pada 4 Okt 2023**



**Sesi Walkabout Ritma Muzik
Malaysia Bersama
YBrs. Pn Norihan bt Mohamed Naim,
SUB (Pengurusan) KPN**



**Majlis Menandatangani
Nota Kerjasama
Antara JMM & KPM
di JMM Pada 10 Okt 2023**



MUSEUM
ARTS
GALLERY



Perbincangan bersama Prof. Emeritus Felipe Tiroda, National Autonomous University of Mexico - 7 Nov 2023



Kunjungan Hormat daripada Pertubuhan Perdana Nasional Ke JMM Pada 6 Dis 2023

HARI SEJAHTERA

Oleh: Noorlieana binti Mohd Nor / Safiah binti Harun,
Unit Pengurusan Sumber Manusia



Klinik Berhenti Merokok



Sesi Perkongsian Ilmu



Terapi Pemulihan Cara Kerja



Expressive Art Therapy for Healing



Rehabilitasi Strok



Kuiz Interaktif

KUALA LUMPUR – Pada 27 November 2023 bertempat di Lobi Jabatan Muzium Malaysia, Unit Pengurusan Sumber Manusia untuk julung kalinya telah mengadakan program Hari Sejahtera bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Objektif utama penganjuran program ini ialah untuk memberi kesedaran serta pemahaman mengenai kepentingan persekitaran kerja yang sihat dan kondusif dalam usaha meningkatkan produktiviti para pekerja di samping meningkatkan motivasi diri menerusi penjagaan diri secara fizikal dan jua mental.

Beberapa agensi telah dijemput untuk menjayakan program ini termasuk Unit Psikologi Kementerian Perpaduan Negara, Hospital Rehabilitasi Cheras, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan MyCUEPACSCare. Di antara aktiviti menarik yang disediakan ialah Konsultasi Psikologi, Introspek Diri (Psikometrik), Terapi Pemulihan Cara Kerja, Expressive Art Therapy for Healing, Klinik Berhenti Merokok dan Kuiz Interaktif.

Selain itu, pihak LPPSA, KWSP, MyCUEPACSCare dan PTPTN turut membuka kaunter informasi untuk memberi penerangan mengenai khidmat serta produk yang ditawarkan.

Persekitaran kerja yang sihat mampu mendorong kakitangan untuk melibatkan diri secara aktif dalam membangunkan organisasi. Semoga inisiatif kecil ini dapat menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan (work-life balance) demi kesejahteraan warga jabatan dalam mengharungi cabaran alam pekerjaan.



PROGRAM PENGKISAHAN @MUZIUM SUNGAI LEMBING 2023

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembing

KUANTAN, PAHANG - 31 Oktober 2023 (Selasa) Program Pengkisahan Sungai Lembing telah berlangsung di Auditorium Arkib Negara Malaysia Cawangan Pahang dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Abdul Rahim bin Mohd Yunus, Timbalan Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang mewakili Pengarah Pendidikan Negeri Pahang.

Program Pengkisahan Sungai Lembing kali ini telah menampilkan 3 orang panel yang hebat iaitu Prof Dr Azlan Jumat bin Abdul Ghania, penyelidik bebas yang mengupas tajuk Sungai Lembing: Tamadun dan Perpaduan Sosial dalam Kegemilangan, Beliau banyak menyentuh tentang keadaan Sungai Lembing Ketika zaman kegemilangannya. Panel kedua ialah Puan TPr Nik Noraisu binti Nik Ibrahim, Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang yang membawa tajuk Melestarikan Sungai Lembing Sebagai Bandar Warisan: Peranan dan usaha pihak Penguasa Perancang Tempatan. Beliau membicarakan Pelan Tindakan Negeri Pahang dalam pembangunan Sungai Lembing.

Panel terakhir ialah Tuan Mohd Syahrin Pengarah Bahagian Warisan Dunia UNESCO dari Jabatan Warisan Negara yang membentangkan tajuk Isu dan Cabaran: Sungai Lembing ke Arah Pengiktirafan Warisan Dunia UNESCO. Beliau mengupas tentang peranan dan cabaran Jabatan Warisan Negara dalam mengangkat Sungai Lembing sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Lebih daripada 1000 orang peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah Agensi Kerajaan dan Swasta, Rakan Media New Straits Times, Utusan Malaysia, Sin Chew Daily serta Harian Metro, Komuniti Sungai Lembing, Bekas Pelombong, Pensyarah, Pengetua, Guru Besar serta pelajar-pelajar menyertai program ini. Program ini juga turut diadakan menerusi platform FB Live.



PROGRAM-PROGRAM KOLABORASI BERSAMA SEKOLAH DAN IPTA DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney

Sepanjang tahun 2023, Muzium Chimney telah berjaya melaksanakan tiga siri program Bermalam di Muzium bersama beberapa buah sekolah rendah dan menengah iaitu SK Patau-Patau, SK Membedai, SK Lubok Temiang, SMK Mutiara, SMK Lajau, SMK Ranca-Ranca dan SMA MAIWP yang dilaksanakan pada bulan September dan November. Program ini turut mendapat penyertaan daripada sekolah luar Labuan iaitu SK Simpangan, Kota Marudu Sabah. Manakala terdapat lapan program Eksplorasi Sejarah telah dilaksanakan di sepanjang bulan Jun hingga Disember yang melibatkan penyertaan para pelajar IPTA antaranya Persatuan Mahasiswa Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Kolej Vokasional Labuan. Beberapa buah sekolah rendah dan menengah turut terlibat antaranya SK Sungai Bedaun, SK Pekan II, SK Layang-Layangan, SK Bukit Kallam, SK Bebuloh, SMK Labuan dan SM St Anne Labuan.

Muzium Chimney turut melaksanakan beberapa program outreach bertempat di SK Patau-Patau bersempena dengan minggu pertama persekolahan tahun 2023, di SK Lubok Temiang bersempena Program Memperkasakan Komuniti Geopark Labuan dan Hari Kerjaya di SK Bukit Kallam. Pelbagai aktiviti permuziuman telah dijalankan di sepanjang program antaranya pameran sejarah perlombongan arang batu Labuan, demonstrasi kuratorial seperti hands-on mengenal koleksi dan restorasi seramik, tayangan video permuziuman, kuiz sejarah dan *treasure hunt*.

Secara keseluruhan, program-program kolaborasi yang telah dijalankan ini bukan sahaja dapat mempromosikan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya Muzium Chimney kepada para pelajar malah dapat mendekatkan serta mengeratkan hubungan bersama pihak sekolah dan IPTA dalam memperkasakan pendidikan dan pengembangan muzium, seterusnya memartabat kelestarian warisan sejarah dan budaya negara.

LABUAN - Muzium Chimney telah menjalinkan kolaborasi strategik bersama beberapa buah sekolah dan IPTA di Wilayah Persekutuan Labuan dengan menganjurkan program-program pendidikan dan riadah yang menjadi nilai tambah pembelajaran khususnya penghayatan kepada nilai-nilai murni berteraskan penerokaan sejarah di muzium. Objektif utama program ini ialah bagi membudayakan muzium kepada para pelajar sebagai sebuah institusi pendidikan tidak formal, mewujudkan hubungan dua hala dengan pihak sekolah dan IPTA sekaligus menyebarkan peranan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan.



Hiking Eksplorasi Sejarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)



Eksplorasi Sejarah Sk Patau-Patau

BENGGEL ASAS KONSERVASI SPESIMEN MUZIUM SEJARAH ALAM, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Oleh: Muhamad Syafiq Bin Ahmad Zahari,
Muzium Alam Semulajadi



KUALA LUMPUR - Pada 9 dan 10 Oktober 2023, satu bengkel asas konservasi spesimen Muzium Sejarah Alam, Fakulti Sains & Teknologi, UKM telah dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan Muzium Alam Semula Jadi. Bengkel ini merupakan aktiviti yang dilaksanakan di bawah payung MoU antara Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dan UKM dan melibatkan seramai lima kakitangan daripada Muzium Alam Semula Jadi (MAS) dan seorang kakitangan daripada Bahagian Pengurusan Konservasi (BPK). Seramai 15 orang peserta yang terdiri daripada ahli akademik, pegawai sains, pegawai penyelidik dan pembantu makmal dari UKM telah menyertai bengkel ini. Pada hari pertama bengkel, para peserta telah didedahkan tentang asas pengurusan muzium, pengurusan koleksi, pengurusan konservasi, pengurusan awetan spesimen basah, artikulasi tulang, pengurusan awetan kering dan permasalahan yang berkaitan. Seterusnya pada hari esoknya, peserta diberikan pula teori dan praktikal penilaian kondisi spesimen, permasalahan spesimen yang dipilih dan pengurusan konservasi spesimen.



PROGRAM PATRIOTIK MALAYSIA @MUZIUM LABUAN

Oleh: Zuriani binti Abd Ghani, Muzium Labuan



Sepanjang tahun 2023, Muzium Chimney telah berjaya melaksanakan tiga siri program Bermalam di Muzium bersama beberapa buah sekolah rendah dan menengah iaitu SK Patau-Patau, SK Membedai, SK Lubok Temiang, SMK Mutiara, SMK Lajau, SMK Ranca-Ranca dan SMA MAIWP yang dilaksanakan pada bulan September dan November. Program ini turut mendapat penyertaan daripada sekolah luar Labuan iaitu SK Simpangan, Kota Marudu Sabah. Manakala terdapat lapan program Eksplorasi Sejarah telah dilaksanakan di sepanjang bulan Jun hingga Disember yang melibatkan penyertaan para pelajar IPTA antaranya Persatuan Mahasiswa Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Kolej Vokasional Labuan. Beberapa buah sekolah rendah dan menengah turut terlibat antaranya SK Sungai Bedaun, SK Pekan II, SK Layang-Layangan, SK Bukit Kallam, SK Bebuloh, SMK Labuan dan SM St Anne Labuan.

Muzium Chimney turut melaksanakan beberapa program outreach bertempat di SK Patau-Patau bersempena dengan minggu pertama persekolahan tahun 2023, di SK Lubok Temiang bersempena Program Memperkasa Komuniti Geopark Labuan dan Hari Kerjaya di SK Bukit Kallam. Pelbagai aktiviti permuziuman telah dijalankan di sepanjang program antaranya pameran sejarah perlombongan arang batu Labuan, demonstrasi kuratorial seperti hands-on mengenal koleksi dan restorasi seramik, tayangan video permuziuman, kuiz sejarah dan treasure hunt.

Secara keseluruhan, program-program kolaborasi yang telah dijalankan ini bukan sahaja dapat mempromosikan muzium-muzium di Wilayah Persekutuan Labuan khususnya Muzium Chimney kepada para pelajar malah dapat mendekatkan serta mengeratkan hubungan bersama pihak sekolah dan IPTA dalam memperkasa pendidikan dan pengembangan muzium, seterusnya memartabat kelestarian warisan sejarah dan budaya negara.

MAJLIS APRESIASI SEMPENA PAMERAN RAHSIA KEBAYA

Oleh: Zainaszira Zainuddin,
Muzium Tekstil Negara



Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil mencemar duli menghadiri Majlis Apresiasi sempena Pameran Rahsia Kebaya di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur pada 19 Disember 2023.

Keberangkatan tiba baginda berdua disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman), Jabatan Muzium Malaysia, Encik Mohd Razaimi bin Hamat dan Pengarah Muzium Tekstil Negara, YM Puan Tengku Intan Rahimah Tengku Mat Saman. Turut Hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Azman Mohd Yusof yang menyampaikan sijil penghargaan kepada 11 penerima dalam kalangan rakan kerjasama pameran yang dibuka kepada orang ramai sejak 19 Oktober lalu hingga 31 Disember 2023.

DYTM Tuanku Raja Muda dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda berkenan menyempurnakan simbolik perasmian majlis apresiasi itu dengan mengenakan kerongsang pada baju kebaya bagi melengkapkan aksesori pemakaiannya.

Antara tumpuan utama ialah Kebaya Perlis terbesar setinggi 10 meter dan Kebaya Che Manjalara yang sudah berusia 9 abad. Turut diadakan juga ialah peragaan koleksi termasuklah baju kebaya labuh, baju kebaya separuh labuh dan juga baju kebaya moden. Pameran Rahsia Kebaya memperagakan sebanyak 60 koleksi baju kebaya dimana sebahagian besarnya milik Jabatan Muzium Malaysia dan koleksi pinjaman dari agensi dan orang perseorangan.

Penganjuran majlis ini diharap dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama strategik dalam usaha mengangkat, memelihara dan memulihara warisan tekstil di Malaysia. Di akhir program, baginda Tuanku berdua turut berkenan berangkat ke Pameran Rahsia Kebaya di Galeri Saindera.



PROGRAM INI BATIK MALAYSIA

Oleh: Salmiahwati binti Djafar, Muzium Tekstil Negara

KUALA LUMPUR - Program Ini Batik Malaysia merupakan inisiatif Muzium Tekstil Negara bagi menyemarakkan sambutan Hari Batik Malaysia yang diraikan pada 3 Disember setiap tahun bermula pada tahun 2021.

Program ini dijayakan dengan kerjasama Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dan PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Muzium Malaysia (JMM) melalui Muzium Tekstil Negara (MTN) pada 5 Disember 2023 (Selasa) yang lalu bertempat di Dataran Muzium Tekstil Negara. Program yang dilaksanakan selama sehari ini telah disertai seramai 66 orang ahli PUSPANITA Kebangsaan daripada pelbagai agensi di sekitar Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya.

Program ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Datin Roszita binti Imaduddin, Pengerusi PUSPANITA KPN dan YBhg. Datin Zuriddah binti Harun, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil JMM bersama-sama YBhg. Datin Seri Zarina binti Othman, Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perdana Menteri (JPM); YBhg. Datin Murni binti Muda, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI); YBhg. Datin Seri Noor Laila binti Hamzah, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Pertahanan (MINDEF); YBhg. Puan Duangrat A/P Visa, Pengerusi PUSPANITA Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC); YBhg. Datin Narizan binti Nawani, Pengerusi Kementerian Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); dan YBhg. Datin Suhana Wahid, Timbalan Pengerusi Kementerian Pelaburan, Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Pada program ini, setiap peserta diberi peluang menghasilkan sapu tangan batik blok mengikut kreativiti sendiri. Program dimulakan dengan sesi Jom Zumba Berbatik Sarung diikuti sesi pengenalan jenis-jenis batik di Malaysia dan aktiviti menghasilkan sapu tangan batik blok. Seterusnya, sesi lawatan berpandu ke galeri pameran tetap dan pameran sementara juga turut dijalankan.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan baharu kepada para peserta mengenai jenis-jenis batik di Malaysia. Selain dapat mempelajari kaedah dan teknik penghasilan batik blok secara asas.



SAMBUTAN HARI LAUT SEDUNIA 2023 ANJURAN MUZIUM MARIN LABUAN

Oleh: Noritah binti Jamlin, Ketua Muzium, Muzium Marin Labuan

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan tarikh 8 Jun setiap tahun sebagai sambutan Hari Laut Sedunia atau World Ocean Day bermula pada tahun 2009. Muzium Marin Labuan (MMar) meraikan sambutan ini setiap tahun dan tahun ini MMar telah memilih tarikh 4 dan 5 November 2023 dengan tema selaras di peringkat antarabangsa iaitu "Planet Ocean: Tides are changing".

Sambutan Hari Laut Sedunia ini berlangsung selama 2 hari bermula pada 4 November 2023 di sekitar Pantai Tanjung Purun Labuan, lokasi yang tidak jauh daripada bangunan MMar. Program utama yang dijalankan ialah aktiviti berkhemah bersama 30 orang pelajar Kolej Matrikulasi Labuan dan diiringi oleh 6 orang pensyarah. Antara pengisian menarik yang dijalankan ialah Ice-Breaking oleh Ketua Muzium Puan Noritah Jamlin, aktiviti mencari spesimen yang turut dibantu oleh sukarelawan berkemahiran, acara barbeque sebelah malam dan kemuncak acara perkhemahan ialah permainan Scavengers.

Sambutan Hari Laut Sedunia diteruskan pada 5 November 2023 di Dewan Darul Kifayah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Labuan (MAIWP) dengan acara-acara kemuncak yang menarik. Pengisian program dimulakan dengan Pertandingan Pakaian Beragam daripada bahan kitar semula yang bertemakan hidupan marin, di mana seramai 20 orang kanak-kanak pra-sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Labuan telah menyertai pertandingan ini. Selain itu, acara Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak Tahap 1 (7-9 tahun) turut mendapat sambutan yang menggalakkan yang melibatkan penyertaan kanak-kanak seramai 35 orang. Kedua-dua acara ini telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan dan penglibatan ibu bapa yang sangat baik. Program diteruskan dengan ceramah kesedaran Hari Laut Sedunia yang telah disampaikan oleh Tuan Ryanto Saifuddin, dari Unit Konservasi Penyu dan Marin, Jabatan Perikanan Labuan dengan topik "Menyelamatkan Mamalia Marin Terdampar Atau Terperangkap". Ceramah telah berlangsung selama 1 jam termasuk sesi soal-jawab.



Majlis perasmian Penutupan Hari Laut Sedunia 2023 telah dimeriahkan dengan kehadiran Yang Berusaha Tuan Mohd. Mahyuddin Bin Mohd. Noordin, Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan yang sudi merasmikan majlis penutupan program ini. Turut memeriahkan majlis ialah persembahan tarian Sembah Tamu daripada kumpulan Antap Budaya SMK Pantai Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam majlis ini turut disampaikan hadiah-hadiah kepada semua pemenang selama 2 hari acara berlangsung. Rata-rata peserta sangat teruja menyertai setiap acara yang dijalankan dan menyatakan keinginan untuk menyertai program MMar di masa akan datang.



KURSUS ASAS TAKSIDERMI BURUNG DAN TIKUS

Oleh : Mohd Hasnor bin Tajul Amar ,
Muzium Alam Semulajadi

Muzium Alam Semula Jadi telah diundang oleh Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM untuk menjayakan bengkel asas taksidermi burung, mamalia kecil dan ikan pada 5 hingga 7 Disember 2023. Bengkel ini telah disertai oleh enam orang peserta yang terdiri daripada pensyarah, siswazah lanjutan dari USM serta kakitangan Fakulti Pertanian UPM. Dalam bengkel ini para peserta telah diperkenalkan dengan teori asas taksidermi konvensional dan moden sebelum praktikal pengawetan spesimen dilakukan melibatkan spesimen tikus, burung pungguk jelapang dan ikan tilapia. Para peserta juga melakukan sendiri hampir kesemua proses asas taksidermi seperti pengulitan (skinning), pembersihan, penghasilan badan tiruan, pemasangan dawai (kaki dan sayap), menjahit kulit spesimen, memasang mata tiruan dan kemas akhir setiap spesimen. Pada penghujung bengkel turut diadakan sesi dialog tenaga pengajar bersama para peserta bagi membincangkan sebarang permasalahan yang timbul sepanjang proses taksidermi dilakukan. Peserta juga dinasihatkan agar mengutamakan keselamatan apabila melibatkan penggunaan bahan-bahan kimia bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kesan jangka masa panjang selain menekankan bahawa kemahiran dalam bidang ini hanya boleh dikuasai sekiranya mempunyai minat dan latihan praktikal yang berterusan.



PROGRAM LIVING MUSEUM DAY MSKOA 2023@

Oleh: Asmawi bin Mohamed Yunos, Muzium Kraf Orang Asli



Muzium Seni Kraf Orang Asli (MSKOA) sekali lagi meneruskan penganjuran PROGRAM LIVING MUSEUM DAY@MSKOA 2023 pada tahun ini. Seperti pada tahun - tahun sebelumnya, program ini telah dirancang khas dan merupakan salah satu acara tahunan bagi MSKOA dan telah dimasukkan dalam Kalendar Acara Tahunan 2023, Jabatan Muzium Malaysia.

Program Living Museum Day@MSKOA 2023 ini telah diadakan pada 25 November 2023 (Sabtu) bermula jam 09.00 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di dalam galeri dan perkarangan luar MSKOA. Satu kelainan dalam acara pada tahun ini ialah penambahan slot aktiviti iaitu reruai jualan di dalam galeri MSKOA dan acara cabutan bertuah yang diadakan setiap satu jam. Program Living Museum Day ini juga diadakan bersempena dengan Program Nostalgia Anak Kampung di Muzium Negara yang bermula dari 24 – 26 November 2023. Seramai 10 orang komuniti Orang Asli yang telah terlibat dalam program ini yang terdiri dari Suku Kaum Semai, Pahang dan Temiar, Kelantan.

Para pengunjung terdiri daripada pelawat tempatan dan luar negara, pegawai dan kakitangan JMM, pelajar sekolah rendah dan menengah, siswa dan siswi dari universiti tempatan, Aktivis dan NGO Orang Asli serta masyarakat Orang Asli itu sendiri. Muzium Seni Kraf Orang Asli telah menerima seramai 834 orang pengunjung pada Program Living Museum Day untuk kali ini.

Objektif utama Program Living Museum Day ini ialah untuk memberi pendedahan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat umum mengenai keunikan Masyarakat Orang Asli dan warisan keseniannya, mendokumentasikan setiap maklumat berkaitan Masyarakat Orang Asli untuk simpanan dan rujukan pada masa - masa akan datang dan mewujudkan jalinan jaringan kerjasama yang erat dengan pelbagai pihak terutamanya dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), para aktivis orang asli dan Masyarakat Orang Asli itu sendiri secara khususnya.

Di antara aktiviti – aktiviti yang dijalankan sempena Program LIVING MUSEUM DAY@MSKOA ini ialah Demonstrasi Permainan Alat-Alat Muzik Orang Asli seperti Centong, Getuk dan Gong, Anyaman Bakul, Anyaman Mengkuang, Anyaman Tempok, Permainan Kerchang, Reruai jualan dan cabutan bertuah.

Program seperti ini dapat menanam minat kepada semua masyarakat untuk sentiasa mengunjungi muzium dan mempelajari serta melihat sendiri aktiviti yang disediakan. Program sebegini juga membolehkan Muzium Seni Kraf Orang Asli khususnya dan JMM khususnya mendokumentasikan maklumat-maklumat penting berkaitan Masyarakat Orang Asli.

KERJA-KERJA KONSERVASI DAN RESTORASI SPESIMEN ZOOLOGI DI MUZIUM PERAK

Oleh: Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari, Muzium Alam Semulajadi




PERAK - Bersempena dengan Pameran Zoologi; Seni Taksidermi yang dianjurkan oleh Muzium Perak pada 20 Disember 2023, kakitangan Muzium Alam Semula Jadi (MAS) telah terlibat untuk membantu melaksanakan kerja-kerja konservasi dan restorasi kesemua spesimen zoologi yang digunakan dalam pameran tersebut. Kerja-kerja yang bermula dari 26 hingga 30 November 2023 ini melibatkan seramai tujuh orang kakitangan MAS dan turut dibantu oleh empat orang kakitangan Muzium Perak. Sebanyak 43 spesimen zoologi yang terdiri daripada pelbagai spesimen haiwan iaitu mamalia, reptilia, burung, amfibia dan ikan yang antaranya berupa spesimen skeleton dan tengkorak, *head trophy* dan *spesimen mounted*. Kesemua spesimen tersebut telah dinilai kondisinya sebelum kerja-kerja konservasi atau restorasi dilaksanakan. Selama tempoh 4 hari masa diambil untuk kerja-kerja persediaan spesimen pameran tersebut merangkumi kerja-kerja seperti pembersihan serta restorasi yang melibatkan proses tampalan, lekatan dan pewarnaan semula.



PROGRAM BICARA@ MUZIUM ALAM SEMULA JADI SIRI 3/2023 GAJAH ASIA (Pemuliharaan atau pemeliharaan)

Oleh: Muhamad Syafiq bin Ahmad Zahari

KUALA LUMPUR - Muzium Alam Semula Jadi (MAS) telah melangsungkan program Bicara@Muzium Alam Semula Jadi siri 3/2023 yang bertajuk Gajah Asia - Pemeliharaan atau Pemuliharaan secara dalam talian menerusi platform Zoom Meeting dan Facebook. Bicara kali telah menampilkan Encik Mohd Khairill bin Jemangin, Timbalan Pengarah MAS sebagai moderator dan Encik Salman bin Hj. Saaban, Pakar Bidang Khusus atau Subject Matter Expert (SME) dari Jabatan PERHILITAN sebagai penceramah. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam berkenaan dengan khazanah fauna negara kita khususnya Gajah Asia atau lebih dikenali dengan nama saintifiknya, *Elephas maximus*. Program ini telah berjaya merungkai dan mengupas beberapa persoalan yang menarik berkenaan isu dan konflik yang dihadapi gajah asia yang semakin diancam kepupusan akibat pemburuan haram, penerokaan hutan serta ancaman kepada manusia. Program secara atas talian ini telah dihadiri seramai 293 peserta.



29



GAJAH ASIA
Pemuliharaan atau pemeliharaan?



PANEL JEMPUTAN:
EN. SALMAN BIN HJ. SAABAN
Pakar Bidang Khusus (SME) Gajah
Jabatan PERHILITAN
Semerangjung Malaysia



MODERATOR:
EN. MOHD KHAIRILL BIN JEMANGIN
Timbalan Pengarah
Muzium Alam Semula Jadi
Jabatan Muzium Malaysia



25.10.2023 (RABU)
10.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI

SELA SAMA SAMA
SILA BIKAR KOD QR
UNTUK PENYERTAAN



KEHADIRAN ADALAH SECARA ZOOM MEETING

Facebook, YouTube, Zoom icons

PROGRAM RITMA MUZIK MALAYSIA

Oleh : Roszakiah binti Abdul Rahim, Muzium Muzik

SEPAANG - Ritma Muzik Malaysia adalah program kerjasama antara Muzium Muzik JMM dan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) yang telah diadakan di Terminal 1 dan 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Program ini telah berlangsung mulai 25 Ogos hingga 20 September 2023 bersempena sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia. Program ini telah memperkenalkan pelbagai jenis muzik yang unik di Malaysia mengikut kaum dan kawasan tertentu. Masyarakat Melayu merupakan kaum majoriti diikuti dengan kaum Cina, India, etnik di Sabah, Sarawak dan Orang Asli. Persembahan muzik yang terdapat di Semenanjung, merangkumi persembahan rakyat yang berbentuk hiburan yang mengiringi teater, tarian dan persembahan instrumental. Persembahan rakyat secara tradisional tertumpu di kawasan pedalaman di bahagian pantai timur Malaysia seperti persembahan Wayang Kulit, Menora dan Mak Yong. Di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, muzik popular dan sinkretik dalam persembahan tarian dan teater seperti bangsawan, boria, lagu Melayu asli, Zapin, Ghazal dan sebagainya terkenal dalam kalangan masyarakat tempatan.

Terdapat beberapa alat muzik yang telah dipamerkan seperti Gambus, Gendang Ibu, Serunai, Sape, Sompton, Bo, Tabla dan Baya, Seruling Bambu/Pensol dan Angklung. Segmen Mari Cuba yang paling menarik perhatian pengunjung semasa pameran berlangsung dan alat muzik yang boleh dicuba seperti Gambus, Sape, Kompang, Gitar, Ukelele, Tamborin dan Marakas. Segmen wayang kulit juga berjaya mencuri perhatian pelawat kerana keunikannya ukiran patung wayang kulit itu sendiri. Rebana Ubi gergasi turut dibawa untuk dipamerkan dan menjadi tarikan utama semasa pameran berlangsung, ia sempena memperingati Malaysia sebagai tuan rumah dan menjadi detik bersejarah sukan Komanwel 1998 yang menggunakan Rebana Ubi bersaiz besar sebagai pembukaan sukan tersebut. Alat muzik turut menjadi simbolik perantaraan kebudayaan yang memberi semangat kepada atlet-atlet sukan. Pelbagai aktiviti menarik juga diadakan untuk memeriahkan program ini termasuklah Bicara Seni Muzik Alat Muzik Sape, Persembahan Khas Muzik Kontemporari, Persembahan Gamelan, DIY Wayang Kulit, DIY Alat Muzik Tamborin, Mari Mewarna, Kuiz Kenali Alat Muzik, Demonstrasi Pembersihan Artifak, Kempen Derma Koleksi dan jualan buku terbitan Jabatan Muzium Malaysia.

Secara keseluruhannya, program ini telah memberikan pengalaman dan ilmu pengetahuan baharu kepada para pelawat yang datang melawat. Pelbagai aktiviti yang telah disusun telah berjaya menambat hati pengunjung untuk mengetahui warisan dan kesenian alat muzik pelbagai kaum dan etnik di Malaysia yang telah ditonjolkan dalam program ini.



PROGRAM EKSPLORASI@MEDM

Oleh: Mohd Razali bin Ya'cob @ Jusoh
Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pada 4 Disember 2023 (Isnin) telah berlangsungnya Program Eksplorasi@MEDM anjuran Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) bersama Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (APMUM) yang melibatkan seramai 180 orang pelajar dan 10 orang pensyarah pengiring. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan menarik minat generasi muda mengenai sejarah, seni dan budaya di dunia Melayu melalui koleksi artifak yang dipamerkan oleh muzium. Selain MEDM, program ini juga turut mendapat kerjasama daripada Muzium Negara, Muzium Muzik dan Muzium Seni Kraf Orang Asli.



Para pelajar dan pensyarah dari Akademi pengajian Melayu Universiti Malaya mengambil gambar kenangan bersama Puan Nor Hanisah Binti Ahmad, Pengarah Muzium Etnologi Dunia Melayu

Sepanjang program berlangsung, para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan dikehendaki menjawab set soalan kuiz yang telah disediakan oleh pihak MEDM. Set soalan yang disediakan merangkumi pelbagai tema atau segmen pameran yang melibatkan bahan pameran yang dipamerkan di Muzium Negara, Muzium Etnologi Dunia Melayu, Muzium Muzik dan Muzium Seni Kraf Orang Asli. Soalan kuiz juga turut melibatkan dua pameran sementara iaitu Pameran Malaysia Tanah Airku dan Pameran Timbang dan Sukat: Kearifan Metrologi. Program ini mendapat reaksi yang positif daripada para pelajar dan pensyarah. Menurut mereka, program sebegini membolehkan generasi muda mendekati muzium dengan cara yang lebih santai dan menyeronokkan di samping memberi pendedahan dan pelajaran baru berkaitan sejarah, seni dan budaya yang terdapat di muzium.

BENKEL ASAS PEMULIHARAAN MANUSKRIP (HANDS-ON)

Oleh: Norhidayah binti Ramely,
Unit Pembangunan Modal Insan



PROGRAM KEMBARA CITRA SEJARAH DAN GEOWARISAN LABUAN 3.0

Oleh Muhammad Nazli Ho bin Abdullah,
Muzium Labuan

LABUAN - Program Kembara Citra Sejarah Dan Geowarisan Labuan 3.0 anjuran Muzium Labuan telah berjaya dilaksanakan pada 28 Oktober 2023 yang melibatkan empat lokasi bersejarah dan menarik di Wilayah Persekutuan Labuan.

Program dimulakan dengan pendaftaran peserta, ucapan aluan oleh Pengarah Muzium Labuan dan taklimat program. Seterusnya, para peserta dibawa menaiki bas menuju ke tapak Stesen Penyegitigaan (trigonometri) Bukit Timbalai di Bebuloh Darat dan diberikan taklimat oleh En Briten Ak. Taha, pegawai Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia Labuan. Lokasi ini merupakan Tapak Warisan Negara sejak tahun 2012. Destinasi kedua bagi program kembara ialah Kampung Tradisi Atas Air Bebuloh Laut iaitu salah satu tapak budaya dalam Geopark Labuan. Semua peserta program turut berpeluang mengunjungi pusat perusahaan ikan bilis mata biru yang terkenal di Labuan.

Para peserta kemudian dibawa ke tapak terowong bekas lombong arang batu Lubok Temiang dan diberikan taklimat sejarah mengenai tapak ini oleh pegawai - pegawai Muzium Labuan serta Muzium Chimney. Mereka juga berpeluang merasai pengalaman keadaan sebenar di dalam salah satu terowong arang batu terawal. Lokasi terakhir bagi lawatan pembelajaran ini ialah tapak bekas runtuh Rumah Bumbung 12 (Government House) yang sangat bersejarah di Labuan. Sebelum program berakhir, para peserta juga sempat dibawa melawat tapak pusara pegawai-pegawai tentera laut British yang berusia melebihi 175 tahun, pusara pemimpin perniagaan Cina era Perang Dunia Kedua serta Tugu Bhagat Singh yakni orang Singh pertama yang sampai ke Labuan sebagai peniaga pada kurun ke-19.

Program ini melibatkan 40 orang peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, guru sekolah, pemain industri pelancongan, pelajar IPT, media dan orang perseorangan. Tujuan utama program ini ialah untuk memberi kesedaran dan kefahaman agar masyarakat menghargai nilai sejarah, keistimewaan tapak struktur antropogenik geologi di Labuan dan keunikan warisan budaya tempatan yang boleh dilestari dan dikembangkan sebagai lokasi pembelajaran berasaskan sejarah, ilmu alam, pusat riadah, aktiviti kesihatan dan sebagai produk pelancongan. Muzium Labuan dan Muzium Chimney sememangnya telah diiktiraf sebagai tapak budaya Geopark Labuan semenjak tahun 2021.



KUALA LUMPUR – Jabatan Muzium Malaysia (JMM) dengan kerjasama Persatuan Muzium Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Bengkel Asas Pemuliharaan Manuskrip (Hands-On) dari 18 hingga 20 September 2023 bertempat di Aras 10, Perpustakaan Negara Malaysia. Penyertaan peserta terdiri dari pelbagai muzium dan agensi yang mempunyai koleksi buku nadir dan manuskrip antaranya Perbadanan Muzium Negeri Melaka, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara serta Khazanah Fathaniyah. Penyertaan untuk kursus ini hanya dihadkan kepada 15 orang peserta sahaja.



Objektif bengkel ialah mendidik peserta kursus dalam memahami tatacara kerja, teknik pengendalian koleksi manuskrip dengan menggunakan peralatan dan bahan mengikut spesifikasi konservasi secara hands-on. Peserta bengkel ini juga telah didedahkan dengan peralatan, teknik dan proses yang digunakan untuk memulihara manuskrip seperti ujian asid, ujian kelunturan dakwat, teknik penomboran, pengenyahan asid kering dan proses awetan. Bagi proses awetan kertas, terdapat 3 proses pembaikan yang telah dikongsikan iaitu pembaikan tradisional, pembaikan tisu dan pembaikan kecil. Penggunaan bahan seperti kertas buatan tangan dan tisu kozo digunakan untuk pembaikan di halaman bocor dan hilang serta sapuan gam cmc menggunakan berus pada manuskrip supaya serat kertas terhasil dan melekat pada manuskrip yang koyak.

Bengkel ini telah dikendalikan oleh Puan Wan Nur Fazlina binti Wan Abdullah dan Encik Shaik Alwi bin Shaik Bahrudin yang merupakan tenaga pengajar dari Perpustakaan Negara Malaysia dengan pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam bidang pemuliharaan manuskrip. Turut hadir ialah kakitangan dari Perbadanan Muzium Negeri Pahang yang bertindak sebagai urus setia bersama dalam membantu melancarkan perjalanan bengkel. Pada akhir kursus, para peserta telah mempelajari lorekan pada bahan (scoring) serta membuat kemas akhir untuk dinilai oleh penceramah dan fasilitator bagi mengetahui tahap kefahaman dan pengetahuan peserta berkenaan hasil pembelajaran yang diperolehi sepanjang kursus ini. Kejayaan penganjuran kursus ini diharap telah mencapai objektif proses penyaluran ilmu konservasi melalui pembelajaran sepanjang hayat di samping meningkatkan bilangan ahli konservator yang pakar dalam bidang pemuliharaan preventif di Malaysia.

ICOFOM ASPAC INTERNATIONAL SYMPOSIUM 2023 IN KUALA LUMPUR

By: Sitti Rabia binti Abd Rahman
Corporate Communication Division

From 15 to 19 November 2023, the Department of Museums Malaysia successfully hosted the ICOFOM ASPAC International Symposium at Premieria Hotel in Kuala Lumpur. ICOFOM ASPAC is an international committee for Asia Pacific Region under ICOFOM, an ICOM International Committee for Museology that is in charge of researching, studying and disseminating the theoretical basis of museology as an independent scientific discipline, critically analyzing the main trends of contemporary museology.

The aforementioned International Symposium was the first ever held in Malaysia albeit an international webinar by the same committee was also hosted by Malaysia in 2021. For this year, it was jointly organized by ICOFOM ASPAC, the Department of Museums Malaysia, ICOFOM, Museums Association of Malaysia and Melaka Museums Corporation. The objective of this symposium was to gather experiences of museum in helping the community to recover from the pandemic that happened three years ago while at the same time gain better understanding on how they responded to the crisis in the short and longer terms, and to look towards a more resilient future as they shore up against threats of possible future pandemics as well as the climate crisis.

Therefore, the organizing committees had deliberated in which the Symposium's theme addressed the 'Museum Towards Community Recovery' through two sub-themes, 'Aftermath and Reflections on the Educational Role of the Museum' and 'Future-Scaping and the Digital'. It delved into the unprecedented impacts of the pandemic on the museum practice, histories and theories, and most importantly on museum communities as well as museum's participation in the omnipresent of digital working age.

The symposium was divided into three avenues of presentation and discussion. On the 16th of November 2023, the first day was allocated for the symposium papers presentation by museum professionals. The presenters were Karen Brown from Scotland, Margaret Zheng Yi and zJoan Ma Min from People's Republic of China, Chen Kuo Ning and Jay Tzeng Shin from Chinese Taipei, Claudia Roshkoff from Germany and Kanita Kasina-Ubol from Thailand. As for online presentation, the presenters were Olga Truevtseva from Russia, Marwa Elhosary from Egypt, Andre Fabrico Silva from Brazil, Lakhe Suresh Man from Nepal, Norashikin Abdul Karim and Masni Adeni from Malaysia. The presentation sessions were moderated by representative from Malaysia, Madam Janet Tee and Jorell Legaspi from the Philippines.



ICOFOM ASPAC INTERNATIONAL SYMPOSIUM 2023 IN KUALA LUMPUR



On the second day, 17th of November 2023, simultaneous events took place concurrently in different venues and with different audience. The annual ICOFOM ASPAC Country Papers presentation and discussion was held in which board committee members namely Kenson Kwok from Singapore, Somlak Charoenpot from Thailand and Sitti Rabia Abd Rahman from Malaysia presented their papers. It was later followed by the ICOFOM ASPAC Board Committee Meeting, discussing matters pertaining to museums programmes and their challenges, the museum visitors trend and also the 2024 ICOFOM ASPAC International Conference in Shanghai. Simultaneously, in other venue, the ICOFOM ASPAC Youth Workshop on the theme of 'Young People Shaping The Future of Museology Through The Lens of The Sustainable Goals' was conducted and mediated by Mr. James Allan Brown from the University of St. Andrews, Scotland. The participants were carefully selected from local Universities as the objective of the Workshop was to develop young people awareness on Sustainable Development Goals and Climate Change.

This International Symposium was officiated by the Minister of National Unity, Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, whom graciously delivered his Opening speech pertaining to museums' role and importance in uniting the communities through museum programmes initiatives. Meanwhile Yang Berbahagia Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Director General of the Department of Museums Malaysia also delivered his Welcoming Speech. The opening ceremony was also attended by Yang Berbahagia Dato' Azman bin Mohd Yusof, Secretary General of the Ministry of National Unity and other dignitaries including Madam Inkyung Chang, Vice President of ICOM, Karen Brown, Chair of ICOFOM and Madam Janet Tee Siew Mooi, Chair of ICOFOM ASPAC.

The audience of this symposium was great as it attracted about 250 participants comprised of museum officers and professionals from federal museums, state museums, private museums, researchers as well as the university students. As for the Symposium international delegates, apart from papers presentation, they were invited to both Welcome and Farewell Dinner to experience the Malaysia hospitality. They also visited the National Museum, National Textile Museum and Islamic Art Museum in Kuala Lumpur. On 18th of November 2023, the delegates had an excursion to visit the historic sites in Melaka. They were really thrilled and thankful for being given the opportunity to see and learn exciting Malaysia's history and culture.

The ICOFOM ASPAC International Symposium was held successfully and the next host country, which is Chinese Taipei has particularly impressed with the organization of the symposium and will take it as a reference in the planning and executing of the upcoming ICOFOM ASPAC International Conference in 2024.



The Minister with all the dignitaries, moderators and paper presenters group photo



PROGRAM SEMARAK @MUZIUM SUNGAI LEMBING 2023

Oleh: Wahidayu A Wahab, Muzium Sungai Lembang

KUANTAN, PAHANG – Pada 11 dan 12 November 2023, Muzium Sungai Lembang telah menganjurkan Program Semarak@Muzium Sungai Lembang dengan tema: "Muzium Sungai Lembang dekat dihati".

Program gemilang ini bermula dengan acara pelepasan 800 orang peserta berbasikal sempena MTB Challenge: El-Dorado 7.0 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah, Ahli Parlimen Paya Besar. Turut hadir ialah Encik Zamrul Amri Bin Zakaria, Pengarah Muzium Negara, mewakili Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia.

Program selama dua hari ini turut dimeriahkan dengan pameran dan pelbagai aktiviti oleh Agensi Kerajaan, Swasta dan NGO antaranya ialah Jabatan Perpaduan Negeri Pahang, Khutub Khanah Sungai Lembang, Pejabat Kesihatan Daerah Kuantan, Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Kraftangan Pahang, Tourism Pahang, Tourism Wilayah Timur, Jabatan Geosains Pahang, TAR, UMT Kuantan dan UMPSA Pahang.

Majlis Perasmian Program Semarak@Muzium Sungai Lembang disempurnakan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah diiringi Encik Zamrul Amri bin Zakaria, Encik Jamil Bin Haron, dan Encik Peterson Augustine Jadan. Sempena perasmian tersebut, turut diadakan 'Anugerah Rakan Aspirasi Muzium' kepada 3 individu yang telah memberi sumbangan dan bakal berkolaborasi bersama Muzium Sungai Lembang iaitu Prof Madya Dr Jamal Ridzal, Dr. Hasmadi bin Hassan, dan Dr Badrul Hisyam Bin Daud. Ketiga-tiga penerima telah menerima sijil dan cenderahati yang disampaikan oleh YB Dato' Indera Mohd Shahar Abdullah. Majlis tersebut turut disertakan dengan persembahan kebudayaan oleh penari-penari jemputan di Kuantan dan nyanyian merdu adik Adam Syahmi.

Acara sampingan lain pada hari pertama program yang turut mencuri tumpuan ialah Pertandingan Memasak Kategori Lelaki. Acara ini telah disertai wakil KRT sekitar Kuantan. Program Semarak@Muzium Sungai Lembang diteruskan dengan acara Cabaran Ratu Teh Tarik, yang disertai oleh peserta wanita sahaja. Persembahan Artis Jemputan, iaitu penyanyi irama Malaysia, Roslan Maadun yang popular dengan lagu 'lemak manis'nya turut memeriahkan program.

Pada hari kedua program, seramai 60 orang kanak-kanak telah menyertai Pertandingan Mewarna Kategori Satu iaitu Darjah 1 hingga 3 dan Kategori Dua iaitu Darjah 4 hingga 6. Manakala di sebelah petang pula, pengunjung ke Muzium Sungai Lembang telah dihidangkan dengan Persembahan Tarian Sewang oleh Orang Asli Sungai Mas, Sungai Lembang. Persembahan Story Telling oleh Dr Jamilah Mustafa, iaitu seorang pencerita yang bergiat aktif di persada seni penglipur lara di Malaysia turut menjadi tumpuan. Disusuli pula persembahan pelajar sekolah rendah yang terdiri daripada pelajar sekolah pelbagai kaum di sekitar Kuantan menguji kehebatan masing-masing dalam Pertandingan Bercerita bertemakan 'Cerita Rakyat'. Kemuncak kepada program pada hari tersebut adalah Pertandingan Nyanyian Lagu Retro 90-an yang disertai seramai 12 orang peserta serta cabutan bertuah.



KURSUS ASAS KEBAKARAN AWAM 2023 DI AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA WILAYAH TENGAH

Oleh: Mohamad Zulhilmi bin Mohamad Razi,
Unit Pembangunan Modal Insan

KUALA LUMPUR - Bertempat di Akademi Bomba dan Penyelamat Wilayah Tengah, Jabatan Muzium Malaysia telah berjaya melaksanakan Kursus Asas Keselamatan Kebakaran Awam 2023 pada 30 Oktober sehingga 1 November 2023. Kursus yang dijalankan selama 3 hari 2 malam ini telah disertai oleh 30 orang peserta daripada kumpulan pelaksana Jabatan Muzium Malaysia. Objektif kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai tindakan awal yang perlu dibuat sekiranya berlaku kebakaran, mendedahkan teknik yang betul bagi memadam kebakaran dan meningkatkan keyakinan diri setiap peserta.

Para peserta juga didedahkan dengan kaedah penyelamatan di dataran rendah (datar) bertujuan untuk keselamatan diri sendiri dan orang lain dalam keadaan darurat. Terdapat beberapa kaedah yang didedahkan. Antaranya, teknik menyelamat seorang dan teknik menyelamat dua orang atau lebih. Selain itu, peserta turut diajar menggunakan alat pemadam api. Pendedahan terhadap alat pemadam api dan cara penggunaan yang betul mampu mengelakkan kebakaran kecil merebak dari menjadi lebih besar. Peralatan asas kawad operasi bomba seperti hose fitting turut ditunjukkan kepada para peserta.



Melalui kursus ini juga, para peserta dapat merasai pengalaman latihan BATG (Breathing Apparatus Training Gallery) yang dilakukan oleh semua anggota bomba dengan pakaian dan aksesori yang lengkap bagi membiasakan diri apabila menjalankan operasi menyelamat dan pemadaman kebakaran. Para peserta ditempatkan di dalam bilik gelap yang mempunyai halangan yang perlu ditempuhi untuk keluar daripada bilik tersebut dengan masa yang diberikan hanya 30 minit sahaja.

Pada akhir kursus ini, peserta diajar modul pengungsian bangunan. Pengungsian bangunan merupakan tindakan mengosongkan atau meninggalkan suatu bangunan atau kawasan dalam keadaan darurat atau ancaman bahaya. Pengungsian dilakukan untuk melindungi nyawa dan harta benda dari potensi risiko seperti kebakaran, banjir, gempa bumi, serangan atau bencana alam lainnya.

Secara keseluruhan kursus asas kebakaran awam yang dilaksanakan memberi ilmu baru kepada para peserta dan kepentingan mengetahui serta memahami asas tindakan yang boleh menyelamatkan nyawa sekiranya berlaku insiden kebakaran atau sebarang insiden yang berbahaya kepada nyawa dan harta benda.

PROGRAM BICARA@MEDM: KEARIFAN METROLOGI

Oleh: Nik Mazielia Idura binti Nik Mohamed | Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Program Bicara@MEDM: Kearifan Metrologi anjuran Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah berlangsung pada 27 November, 2023 (Isnin) di Bilik Persidangan, Jabatan Muzium Malaysia bersempena Pameran Timbang & Sukat. Program ini juga turut dijalankan secara dalam talian melalui aplikasi ZOOM dan Facebook MEDM. Dua panel dijemput khas untuk membincangkan topik Kearifan Metrologi mengikut kepakaran dalam bidang masing-masing. Objektif utama program bicara ini ialah untuk memberi pendedahan berkaitan ilmu metrologi yang digunakan di Alam Melayu dan transisi perkembangan sistem metrologi yang diguna pakai hingga kini. Panel pertama iaitu Dr. Noor Hasnoor binti Mohamad Nor, Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya membincangkan tajuk "Pemaujudan Konsep Metrologi Orang Melayu Dari Perspektif Ekolinguistik". Satu kupasan yang cukup menarik yang mengetengahkan ketamadunan rumpun Melayu dahulu menggunakan konsep sukatan berdasarkan anatomi badan manusia, pemerhatian terhadap kosmologi dan sebagainya. Beliau turut berkongsi penggunaan sukatan yang terdapat dalam peribahasa Melayu contohnya "Sekepal menjadi gunung, setitik menjadi laut" yang bermaksud sesuatu nasihat yang diberikan mungkin terlalu sedikit tetapi adalah amat berharga. Manakala panel kedua ialah Ts. Adlan Akram bin Mohamad Mazuki, Pegawai Metrologi Kanan dari National Metrology Institute of Malaysia membentangkan tajuk "Metrologi: Adaptasi Pengukuran Dalam Kehidupan". Beliau berkongsi berkaitan penggunaan sistem metrik yang menjadi asas kepada kehidupan moden pada hari ini. Program yang berlangsung selama dua jam ini turut disertai pelajar dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).



PROGRAM CERIA@MEDM: DIY HIASAN KEPALA

Mohd Razali bin Ya'cob @ Jusoh,
Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pada 20 Disember 2023 (Rabu), Muzium Etnologi Dunia Melayu (MEDM) telah mengadakan Program Ceria@MEDM: DIY Hiasan Kepala. Program ini telah diadakan bersempena dengan cuti persekolahan. Untuk kali ini, MEDM mengambil inisiatif untuk memperkenalkan kepada para pengunjung mengenai teknik asas hiasan kepala bagi lelaki dan perempuan yang diamalkan secara tradisi dalam masyarakat Melayu. Bagi lelaki, hiasan kepala sinonim dengan hiasan tanjak atau tengkolok. Nama khususnya ialah Destar yang bermaksud perhiasan kepala seperti getam, semutar, tanjak dan tengkolok. Setiap jenis tanjak yang dipakai oleh golongan tertentu memberi maksud pada status kedudukan seseorang. Bagi perempuan pula, dalam masyarakat Melayu, hiasan kepala yang digunakan ialah cucuk sanggul, cekak sanggul, sesikat dan lain lain. Lazimnya, hiasan kepala wanita Melayu diperbuat daripada emas, perak atau tembaga. Motif yang digunakan kebiasaannya berkait dengan alam sekeliling (flora dan fauna) seperti bunga-bunga dan tumbuhan.



Antara peralatan yang digunakan dalam membuat hiasan kepala wanita

Sepanjang program berlangsung, para pengunjung diberi penerangan berkaitan hiasan kepala cekak sanggul dan lipatan asas tengkolok. Pengunjung juga turut diberi penerangan ringkas berkaitan jenis-jenis hiasan kepala yang diamalkan dalam masyarakat Melayu. Kakitangan MEDM bertindak sebagai tenaga pengajar bagi program ini. Para pengunjung yang hadir juga memberi maklum balas yang positif. Menurut mereka, program sebegini membolehkan generasi muda khususnya remaja dan anak-anak diberi pendedahan tentang hiasan kepala tradisional masyarakat Melayu serta kaedah untuk membuatnya. Aktiviti sebegini juga dijadikan ruang buat para ibu bapa untuk meluangkan masa bersama anak-anak dengan menyertai program sebegini. Para pengunjung yang berjaya menyiapkan hiasan kepada wanita dan tengkolok lelaki turut diberi peluang untuk bergambar sebagai tanda kenangan.



Gabungan ibu dan anak. Masing-masing tekun menyiapkan hiasan kepala



Kakitangan MEDM menunjukkan demonstrasi kaedah asas lipatan hiasan kepala atau tengkolok kepada peserta

PROGRAM CERIA@MEDM: DIY WAYANG KULIT

Oleh: Mohd Razali bin Ya'cob @ Jusoh,
Muzium Etnologi Dunia Melayu

KUALA LUMPUR - Pada 14 November 2023 (Sabtu), Muzium Etnologi Dunia Melayu telah mengadakan Program CERIA@MEDM: DIY Wayang Kulit. Program ini dijalankan secara 'walk-in' dan para pengunjung yang hadir melawat ke galeri MEDM telah dipelawa untuk menyertainya khususnya kanak-kanak. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan kerana aktiviti sebegini digunakan oleh ibu bapa sebagai ruang untuk meluangkan masa bersama anak-anak. Selain aktiviti DIY wayang kulit, para pengunjung turut berpeluang bermain dengan congkak dan batu seremban serta permainan susun gambar yang disediakan sebagai aktiviti sisipan.

Sepanjang program ini berlangsung, para peserta diberi pendedahan ringkas tentang wayang kulit seperti sejarah, jenis wayang kulit dan kaedah pembuatan wayang kulit sebenar oleh kakitangan MEDM yang bertindak sebagai tenaga pengajar. Peserta juga turut diberi peluang untuk membuat DIY wayang kulit mereka sendiri yang terdiri daripada pelbagai watak. Setiap watak yang dipilih peserta diwarnai mengikut kreativiti masing-masing. Setelah selesai proses mewarna, proses mencantumkan dan melekatkan pada pemegang wayang kulit akan dibantu oleh kakitangan MEDM. Setelah selesai, para peserta diberi peluang untuk memainkan watak wayang kulit tersebut dengan menggunakan mini layar yang disediakan oleh pihak urusetia.

Seminar MUZIUM SEJARAH ALAM UKM 2023

"Peranan muzium dalam melestarikan warisan alam semula jadi negara"

UCAPTAMA

PUAN NORSHAM BINTI ABDUL LATIP
Setiausaha Bahagian Kanan

PLENARI

EN. MAT NIZA ABDUL RAHMAN
Timbalan Pengarah, Regeri Perak

DR. RICHARD CHONG CHENG KONG
Pengarah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia

EN. MOHD KHAIRILL BIN JEMANGIN
Timbalan Pengarah, Muzium Alam Semula Jadi

EN. KHAIRUL NIZAM BIN KAMARUDDIN
Pengarah, Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)

DR. MOHD NORFAIZAL GHAZALI
Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Agronomi & Perikanan

OBJEKTIF

- Menyebarkan perkongsian maklumat berkaitan koleksi sejarah alam bersama agensi-agensis berkepentingan.
- Menjalinkan kerjasama dalam pengurusan dan penyelidikan berkaitan koleksi sejarah alam di peringkat kebangsaan.

Sesi perkongsian muzium jemputan dan MSA UKM

Jemput beramai-ramai!

11 OKTOBER 2023 (RABU) 8.30 PAGI - 4.30 PETANG

DEWAN PERSIDANGAN, BANGUNAN KEDEKATAN, FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

DENGAN KERJASAMA:

PENIAHTARAN

QR CODE

SEMINAR MUZIUM SEJARAH ALAM UKM

Oleh: Mohd Khairill bin Jemangin,
Muzium Alam Semula Jadi

UKM BANGI - Pada 11 Oktober 2023, Muzium Sejarah Alam (MSA), Fakulti Sains dan Teknologi, UKM telah menganjurkan Seminar Muzium Sejarah Alam FST 2023 dengan tema "Peranan Muzium Dalam Melestarikan Warisan Alam Semula Jadi Negara" bertempat di Fakulti Sains & Teknologi, UKM Bangi. Seramai 150 peserta telah menyertai seminar ini.

Program ini bertujuan untuk mengumpul beberapa agensi dan institusi berkepentingan yang mempunyai koleksi sejarah alam untuk berkongsi maklumat berkaitan koleksi masing-masing. Seminar ini telah disampaikan oleh Puan Norsham Abdul Latip, Setiausaha Bahagian Kanan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Antara para pembentang yang telah menayakan seminar ini termasuklah Encik Mat Niza Abdul Rahman, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG); Dr. Richard Chong Cheng Kong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM); Dr. Mohd Norfaizal Ghazali, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI); Encik Khairul Nizam Kamaruddin, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN); serta penulis sendiri yang mewakili Jabatan Muzium Malaysia. Program yang julung kali dianjurkan MSA, FST, UKM ini diharapkan oleh penganjur agar dapat menjalinkan kerjasama dalam pengurusan dan penyelidikan berkaitan koleksi sejarah alam di peringkat kebangsaan selaras dengan matlamat pembangunan kelestarian SDG15 (Life on Land) dan SDG17 (Partnership for the goals) selain cuba memperkenalkan MSA UKM kepada umum.



Para pembentang dan peserta seminar bergambar kenangan bersama-sama seusai selesai ucapan aluan dan ucapatama (Sumber FB MSA FST UKM)



Seorang pelajar sekolah sedang mencuba memainkan watak wayang kulit sambil dibantu kakitangan MEDM



Para pelajar sekolah yang hadir turut mengambil peluang mencuba permainan susun gambar



Peserta yang telah selesai membuat DIY Wayang Kulit turut berpeluang bermain dengan permainan congkak

“MONUMEN GEDUNG UBAT”

Oleh: Zainon Halon, Muzium Chimney


Rujukan :

Raffles Anchorage : National Archives Of Singapore
https://en.wikipedia.org/wiki/Gunpowder_magazine
<https://www.tipperarycoalmines.ie>
<https://npt.wildapricot.org>
<https://www.wiscassetnewspaper.com/>
<http://www.halseymap.com/>

Menyusuri sejarah di Utara Labuan memberikan satu pengalaman menarik bagi para pengunjung. Apa tidaknya lokasi ini adalah permulaan kepada anda mengetahui sejarah kegemilangan peradaban awal Labuan yang masih belum begitu diterokai. Sehingga kini, sebuah menara batu bata menjulang tinggi dikenali sebagai Chimney atau Punil masih kekal dan menjadi ikon pelancongan utama Labuan. Jesteru, sebaik sahaja pengunjung sampai di Jalan Tanjung Kubong, Lubok Temiang mata pasti ralit melihat Menara Chimney yang tersergam tinggi lalu mewujudkan pertanyaan di benak masing-masing apakah fungsi sebenar pembinaan menara ini. Bukan itu sahaja, apabila menjejakkan kaki ke dalam muzium yang terletak bersebelahan pasti menjadikan para pengunjung teruja kerana tidak menyangka dahulunya Labuan, pulau kecil di Barat Daya Sabah ini sangat terkenal dengan industri perlombongan arang batu terawal di Malaysia dan juga Asia Tenggara .

Apa yang lebih menarik perhatian penulis ialah sebuah monumen lama terletak kira-kira 800 meter dari Menara Chimney yang dinamakan Gedung Ubat. Memakan masa kira-kira 20 ke 30 minit berjalan kaki, lokasinya yang terpencil di satu tebing tinggi dan menghadap laut menyajikan satu pemandangan indah yang amat mendamaikan. Bukan itu sahaja, ia juga merupakan kawasan titik pandang utama matahari terbit di Labuan dan jika cuaca baik pengunjung berpeluang melihat dengan jelas Gunung Kinabalu di Tanah Besar Sabah dari kawasan ini. Menurut penduduk tempatan, nama Gedung Ubat adalah berasal daripada istilah “ubat” yang merujuk kepada obat bedil atau peluru. Oleh yang demikian, Gedung Ubat adalah sebuah tempat penyimpanan obat bedil dan peluru pada suatu masa dahulu. Bentuk fizikalnya seperti silinder dengan ketinggian kira-kira 3.5 meter dan mempunyai bumbung berbentuk kon. Ia juga mempunyai pintu gerbang yang menghadap laut, berdinding tebal serta mempunyai lubang-lubang kecil yang berfungsi sebagai lubang pengudaraan. Sebahagian besar mempercayai monumen ini telah dibina oleh tentera Jepun ketika Perang Dunia Kedua di Labuan berdasarkan kepada rekabentuknya yang dikatakan menyamai ciri-ciri rekabentuk binaan Jepun selain kedudukan lokasinya yang agak terpencil menyukarkan ia ditembusi musuh.

Berdiri kukuh di lokasi laluan sejarah tapak perlombongan arang batu di Tanjung Kubong, turut mengaitkannya dengan binaan era kolonial Inggeris. Bersumberkan peta lama tapak Pelabuhan Raffles yang terletak kira-kira 150 meter dari Gedung Ubat, ternyata sebuah tempat penyimpanan bahan letupan telah dibina di kawasan tebing tinggi Kubong Bluff dengan catatan “powder magazine” sepertimana lokasi kedudukan Gedung Ubat pada masa kini. Perkataan “magazine” berasal daripada perkataan Arab iaitu “Makhazin” yang bermaksud “gudang” dalam bahasa Itali dan Perancis. Manakala “Powder” merujuk kepada serbuk atau bahan letupan. Penemuan maklumat tersebut telah menjelaskan fungsi sebenar pembinaannya sebagai gudang menyimpan bahan-bahan letupan bagi tujuan perlombongan arang batu. Tanggapan ini lebih diterima memandangkan lokasinya juga di tapak perlombongan utama di Tanjung Kubong, berhampiran kawasan petempatan rumah pengurus lombong, pejabat pentadbiran serta landasan tramway yang menghubungkan tapak-tapak perlombongan dengan Pelabuhan Raffles. Kedudukannya yang agak terpencil dan jauh dari kawasan petempatan ketika itu secara logiknya adalah bagi mengelakkan impak letupan yang dapat membahayakan keselamatan penduduk seterusnya memusnahkan petempatan berhampiran sekiranya berlaku letupan luar jangka.



1

37

2

Setelah operasi perlombongan arang batu di Labuan ditutup sepenuhnya pada tahun 1912, monumen ini telah terbiar tanpa kerja-kerja pemuliharaan dan pendokumentasian. Semasa Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, monumen ini berkemungkinan besar telah dieksploitasi oleh tentera Jepun bagi menyimpan bahan-bahan letupan, peluru dan senjata mereka sehingga ia dirujuk sebagai binaan pihak Jepun sehingga kini. Rekabentuk binaannya didapati banyak menyamai dengan binaan gudang penyimpanan bahan-bahan letupan serta senjata yang kuat. Walaupun lebih banyak diaplikasikan bagi tujuan ketenteraan khususnya bagi penyimpanan peralatan artileri namun ia turut sinonim sebagai tempat penyimpanan bahan-bahan letupan perlombongan. Maka tidak hairan wujudnya salah tanggapan masyarakat yang lebih mengaitkannya dengan binaan Jepun kerana sering dirujuk sebagai salah satu elemen ketenteraan dalam kebanyakan penulisan sepertimana pada abad ke-18 hingga ke-20 di Eropah dan beberapa wilayah di Amerika.

Meski lokasi ini kurang terpelihara, ia tetap menjadi tumpuan kunjungan orang ramai terutamanya pada hujung minggu. Ada yang berjalan kaki, berjogging dan berbasikal. Selepas mengunjungi Gedung Ubat, aktiviti eksplorasi boleh diteruskan ke tapak bekas jeti Pelabuhan Raffles, menyusuri pantai bagi menikmati keindahan warisan geologi seperti Tip Of Kubong, lapisan arang batu, peralapisan silang, Gerbang dan Gua Laut seterusnya menyusuri denai menuju ke tapak Batu Peringatan British yang merupakan bukti in-situ adanya petempatan orang-orang Inggeris di kawasan ini. Bagi pencinta alam dan penggemar fotografi, sesungguhnya kawasan ini sesuai bagi mereka melihat keindahan alam dan menghayati sejarah.

1. WISCASSET'S POWDER HOUSE
2. NEWBURYPORT POWDER HOUSE
3. POWDER MEGAZINE CHARLESTON
4. GEDUNG UBAT LABUAN
5. EARLSHILL-POWDER-HOUSE



ERASMUS JOHN KEILICH PAKAR TAKSIDERMI MUZIUM PERAK 1897 - 1909

Oleh: Selvaraju A/L M. Pichaimuthu
Muzium Perak, Taiping

Erasmus John Keilich dilahirkan pada 2 Januari 1853 di Hoxton New Town, London, England. Beliau merupakan anak keempat kepada pasangan Heinrich (Henry) Valentine Erasmus Keilich dan Eliza Nee Elsam yang berkahwin di London pada bulan April, 1838. Bapanya merupakan seorang naturalis dan pakar taksidermi. Beliau juga pernah mempamerkan hasil seni taksidermi dalam pameran antarabangsa "Great Exhibition" pada tahun 1851 dan "International Exhibition" 1862 di London dan memenangi beberapa pingat.

Pada tahun 1871, ketika E.J.Keilich berumur 18 tahun keluarga beliau berpindah ke Bermondsey, di Selatan Sungai Thames. Beliau juga seperti bapanya, seorang naturalis dan mempunyai kemahiran seni taksidermi. Beliau berkahwin dengan Emily Elizabeth Brown pada Jun 1874 dan mendapat dua orang cahaya mata lelaki Douglas lahir pada Februari 1878 dan anak perempuan Janette yang lahir pada April 1883.

E.J.Keilich dan bapanya telah mempamerkan 'koleksi hebat' hasil taksidermi kepala rusa jantan dan lembu di pameran "International Health Exhibition", London pada Mei 1884. Erasmus telah meninggalkan London pada 20 April 1897 dan belayar dalam kapal Glengarry, menuju ke Pulau Pinang.

Pada 28 Mei 1897, Muzium Perak telah mendapatkan perkhidmatan Erasmus John Keilich, pakar taksidermi dari England. Bapa beliau Henry Erasmus Keilich juga merupakan seangkatan dengan pakar taksidermi tersohor iaitu Rowland Ward pada awal kurun ke-19. E.J.Keilich memainkan peranan penting dalam usaha menghasilkan koleksi zoologi untuk Muzium Perak. Sumbangan beliau bukan sahaja untuk Muzium Perak, malah hasil kerja beliau turut dihantar ke muzium lain seperti "British Museum", England, "Calcutta Museum", India dan "Raffles Museum", Singapura. Muzium Perak terus mendapat perhatian daripada pakar muzium dan zoologi antarabangsa yang menyumbang kepada penubuhan Pusat Latihan Taksidermi pertama pada tahun 1903.

Beliau juga pernah memangku jawatan sebagai Kurator pada tahun 1903 dan 1906 serta memangku jawatan sebagai pengarah Geologi Negeri Perak pada tahun 1902. Semasa berkhidmat di Muzium Perak, beliau juga telah menghasilkan koleksi taksidermi untuk beberapa muzium di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan "Zoological Gardens" di England. Beliau bersara pada tahun 1909 dan kembali ke England. Beliau meninggal dunia pada 12 April 1928 semasa berusia 75 tahun.

Sumber daripada : Bridget F. Martin (Cicit E. J. Keilich) & Muzium Perak



PEGAWAI DAN STAF MUZIUM PERAK BERGAMBAR DI GALERI PAMERAN ZOOLOGI: SENI TAKSIDERMI DI MUZIUM PERAK.



KOLEKSI SPESIMEN BUAYA JEJULONG (FALSE GHARIAL) YANG DI AWET OLEH PAKAR TAKSIDERMI MUZIUM PERAK E.J.KEILICH PADA TAHUN 1898



KOLEKSI SPESIMEN KAMBING GURUN (YOUNG SEROW) YANG DIAWET OLEH PAKAR TAKSIDERMI MUZIUM PERAK E.J.KEILICH PADA TAHUN 1900.

LAWATAN KEILMUAN KE KOTA JOHOR LAMA

Oleh: Yusri Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

Sejarah Kesultanan Johor bermula pada tahun 1528 Sultan Alauddin Riayat Shah dari keturunan Kesultanan Melaka telah membuka Johor dan bertapak di Johor Lama. Dinasti ini memerintah Johor sehingga tahun 1699 iaitu tarikh kemangkatan Sultan Mahmood yang dikatakan dibunuh oleh Megat Seri Rama (Laksamana Bentan). Sultan Mahmood tidak mempunyai waris yang sah dan oleh itu pengurusan dan pentadbiran Johor berpindah kepada Dinasti Bendahara iaitu menteri-menteri yang membantu Dinasti Kesultanan Melaka. Oleh sebab perperangan dan bagi mengekalkan kuasa perdagangan, ibu negeri Johor berpindah sebanyak 20 kali di sepanjang Sungai Johor termasuk pada akhirnya di Kepulauan Riau.

Berdasarkan sejarah yang menarik ini, Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi, Jabatan Muzium Malaysia (PKSR) menganjurkan satu program Lawatan Keilmuan ke Kota Johor Lama, Johor pada 8 hingga 10 Disember 2023. Seramai 23 orang peserta telah menyertai program ini dengan konsep konvoi bermotorsikal. Pelepasan konvoi telah diadakan di Dataran Muzium Negara dan disempurnakan oleh Encik Mohd Razaimi bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Permuziuman).

Perjalanan sejauh 380 kilometer telah mengambil masa 7 jam dan beberapa destinasi menjadi tempat persinggahan rehat sebelum meneruskan misi ke Kota Johor Lama. Objektif utama program ini ialah untuk menelusuri sumber sejarah melalui bahan pameran yang terdapat di Muzium Kota Johor Lama dan kawasan sekitarnya. Selain itu, peserta juga dapat menyantuni bekas-bekas kakitangan JMM yang telah bersara bagi menyampaikan sumbangan persatuan.

Dalam program ini, para peserta telah melakukan aktiviti gotong-royong di sekitar Muzium Kota Johor Lama serta bersenam perpaduan bagi membudayakan amalan gaya hidup sihat disamping mewujudkan semangat berpasukan dalam kalangan warga Jabatan Muzium Malaysia. Peserta-peserta turut mengambil peluang untuk melawat sejarah Kesultanan Johor Lama melalui pameran dan koleksi yang dipamerkan di dalam Muzium Kota Johor Lama dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Ketua Muzium, Encik Syarizul Amin Ahmad dibantu Encik Mohd Harith Jamaluddin. Konvoi lawatan diteruskan dengan melawat beberapa tempat bersejarah di Kota Tinggi. Di antara lokasi bersejarah ialah Makam Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Makam Laksamana Bentan (Megat Seri Rama), Makan Tun Habib dan Muzium Kota Tinggi. Lawatan berpandu di sekitar Kota Tinggi dijayakan oleh Tuan Dr. Amir bin Ahmad, Kurator Permuziuman dan Encik Mohd Farhan bin Zainal Abidin, Penolong Pegawai Tadbir dari Yayasan Warisan Johor.



KUNJUNGAN PKSR KE GALERI MAT KILAU, PULAU TAWAR, JERANTUT, PAHANG 2023

Oleh: Yusri Ja'afar, Bahagian Komunikasi Korporat

Galeri Mat Kilau yang terletak di Pulau Tawar, Jerantut, Pahang telah dibina pada tahun 2015 dan merupakan salah satu tarikan pelancong. Galeri ini mempamerkan sejarah daerah Jerantut yang menonjolkan pahlawan-pahlawan Melayu seperti Mat Kilau, Pawang Noh, Tok Gajah dan ramai lagi. Gambar dan barangan lama seperti senjata yang digunakan pahlawan Pahang dahulu kala juga turut dipamerkan.

Persatuan Kebajikan, Sosial dan Rekreasi (PKSR) Jabatan Muzium Malaysia telah mengadakan lawatan secara bermotorsikal kumpulan pada 1 Oktober 2023 ke Galeri Mat Kilau, Jerantut. Mat Kilau bin Imam Rasu@Tok Gajah dilahirkan pada tahun 1865 dan kembali ke rahmatullah pada 10 Ogos 1970 berdasarkan catatan yang terdapat di batu nisan makamnya. Mat Kilau telah meninggal dunia di rumahnya di Batu Lima, Paya Besar, Jalan Kuantan-Gambang kerana keuzuran dan dikebumikan di Kampung Kedondong. Beliau merupakan pahlawan Melayu yang berjuang menentang penjajah British di Pahang suatu ketika dahulu. Mat Kilau amat mahir dalam ilmu kebatinan, persilatan dan bermain senjata. Beliau mempunyai sifat-sifat seorang pemimpin dan pemikiran yang matang telah menjadikan beliau seorang pemuda yang sangat disegani dan dihormati oleh penduduk negeri Pahang. Segala cabaran yang berjaya dilalui oleh Mat Kilau semasa menentang pihak British membuatkan pelbagai pihak menyanjung tinggi kepahlawanan beliau.

Menurut informasi sejarah dari Portal Rasmi Majlis Daerah Jerantut, sepanjang yang diketahui mengikut cerita dan sejarahnya, nama Jerantut telah disebut dan digunakan semenjak zaman dahulu kala iaitu pada masa sejarah sebelum pemerintahan Sultan Ahmad (Wan Ahmad) Sultan Pahang yang pertama. Sultan Ahmad menaiki takhta memerintah Negeri Pahang selepas perang saudara antara Wan Ahmad dengan Tun Mutahir di Pekan dengan bantuan sokongan besar orang-orang besar kawasan dan ketua-ketua penduduk tempatan dari kawasan sebelah Ulu Pahang, iaitu dari kawasan Temerloh dan Semantan yang diketuai oleh Pahlawan Dato' Bahaman, dari kawasan Lipis, Jelai dan Semantan Ulu Raub diketuai Dato' Raja Jelai Wan Mahmud dan dari kawasan Jerantut dan sekitarnya diketuai oleh Dato' Gajah Iman Rasu Abdul Salam atau Tok Gajah. Berdasarkan cerita orang tua-tua bahawa asal usul perkataan "Jerantut" adalah berasal dari perkataan "Jeram" dan "Tut" yang diambil daripada nama orang "Awang Tut" yang sering mengail di kawasan jeram di tengah-tengah Sungai Pahang. Sebelum timbulnya perkataan "Jerantut", pekan ini dipanggil "Simpang Empat" iaitu satu tempat di mana Jalan Keretapi dari Gemas ke Kota Baharu bersilang dengan jalanraya dari Kuala Lipis ke Kuantan. Mulai tahun 1914 nama "Simpang 4" ditukar kepada "Jerantut".





Baju Kurung Busana Sepanjang Zaman

Buku ini menghimpunkan koleksi terpilih baju kurung milik Jabatan Muzium Malaysia bersempena dengan Pameran Baju Kurung: Busana Sepanjang Zaman yang diadakan di Muzium Tekstil Negara. Baju Kurung merupakan pakaian tradisional masyarakat Melayu yang diiktiraf sebagai baju kebangsaan negara dan diangkat sebagai Objek Warisan Kebangsaan 2015. Pemakaian baju kurung sangat sinonim dan digemari oleh masyarakat tempatan kerana potongannya mencerminkan nilai kesopanan, keanggunan dan kesederhanaan. Kepelbagaian gaya dan keterampilan persona pemakaian baju kurung menjadi daya tarikan sehingga kini dan kekal sebagai busana pilihan sepanjang zaman.

PANDUAN PRAKTIK KONSERVASI KURATIF

Buku Panduan Praktik Konservasi Kuratif ini diterbitkan untuk memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada pembaca tentang aspek berkaitan metodologi pemuliharaan artifak. Buku ini memfokuskan kepada teori dan proses konservasi yang melibatkan aspek penilaian kondisi, diagnosis, analisis bahan, rawatan dan dokumentasi artifak. Proses tersebut dipraktikkan dalam setiap gerak kerja konservasi artifak daripada jenis bahan logam, seramik, kayu atau tekstil.

Buku ini mengandungi 7 bab yang menghuraikan secara terperinci setiap aspek konservasi berpandukan contoh dan kompilasi kajian kes konservasi artifak yang telah dilaksanakan oleh penulis selama hampir 20 tahun bertugas sebagai konservator di Jabatan Muzium Malaysia.

Panduan praktik yang telah dibincangkan di dalam buku ini seharusnya diterjemahkan kepada penyeragaman prosedur konservasi yang lebih sistematik berdasarkan kepada pawaian amalan konservasi yang telah ditetapkan. Buku Panduan Praktik Konservasi Kuratif amat berguna untuk dijadikan sebagai naskhah rujukan utama kepada konservator, professional muzium dan khalayak dalam memartabatkan artifak warisan negara melalui usaha pemuliharaan pemeliharaan berterusan.





**PUAN ZARINAH BINTI SARIFAN
- 1 OKT 2023**

Selayang Pandang

**MAJLIS PERSARAAN
EN. BADROL HISHAM BIN ABD RAHMAN - 31 OKT 2023**

**MAJLIS PERSARAAN
EN MOHD ASRI BIN BIDIN - 25 DISEMBER 2023**

Selayang Pandang



**MAJLIS PERSARAAN
EN NOOR AZMAN BIN MOHD JAMIL
- 30 OKT 2023**



**MAJLIS PERSARAAN
EN. AHMAT BIN ALI - 20 SEPT 2023**



Tamadun Kita

Muzium Kita



Galeria Perdana



Muzium Adat



Muzium Arkeologi Lembah Bujang



Muzium Chimney



Muzium Diraja



Muzium Ethnologi Dunia Melayu



Muzium Kota Johor Lama



Muzium Kota Kayang



Muzium Kota Kuala Kedah



Muzium Labuan



Muzium Lukut



Muzium Marin



Muzium Matang



Muzium Negara



Muzium Otomobil



Muzium Perak



Muzium Seni Bina



Muzium Seni Kraf Orang Asli



Muzium Sg Lembang



Muzium Tekstil Negara



Galeri Muzik